

KOD ETIKA DAKWAH

Ke Arah Membina Gerak Kerja
Dakwah yang Seimbang dan Cemerlang

Dr. Hisham Altalib



KOD ETIKA DAKWAH

Ke Arah Membina Gerak Kerja
Dakwah yang Seimbang dan Cemerlang

KOD ETIKA DAKWAH

Ke Arah Membina Gerak Kerja
Dakwah yang Seimbang dan Cemerlang

Dr. Hisham Altalib

Penterjemah

Dato' Wira Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin
Ustaz Mohd Naim Mohd Noor



Buku Kod Etika Dakwah merupakan buku terjemahan

مِيَثَاقُ الشَّرْفِ الدَّعَوِيِّ نَحْوِ بَنَاءِ عَمَلٍ دَعَوِيِّ مُعْتَدِلٍ

Cetakan Pertama 2021

Hak Cipta © Dr. Hisham Altalib

Hak Cipta Terjemahan © IIIT East and South-East Asia

Penterjemah: Dato' Wira Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin dan

Ustaz Mohd Naim Mohd Noor

Penyunting: Dr. Muhamad Razak Idris

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian artikel, memetik atau mencetak kembali mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa pun, baik secara elektronik, fotokopi, rakaman, atau yang lain-lain sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit.

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Altalib, Hisham, Dr., 1940-

KOD ETIKA DAKWAH: Ke Arah Membina Gerak Kerja Dakwah yang Seimbang dan Cemerlang / Dr. Hisham Altalib; Penterjemah Dato' Wira Ustaz Abdul Ghani Shamsuddin, Ustaz Mohd Naim Mohd Noor. ISBN 978-967-2190-27-1

1. Da'wah (Islam).

2. Islamic ethics.

I. Abdul Ghani Shamsuddin, Dato' Wira, Ustaz.

II. Mohd. Naim Mohd. Noor, Ustaz.

III. Judul.

297.74

Diterbitkan oleh:

IIIT East and South-East Asia

Level 4 KICT Building IIUM

Jalan Gombak, 53100 Selangor.

Dicetak di Malaysia oleh:

Aras Mega (M) Sdn. Bhd.

No. 18 & 20 Jalan Damai 2, Taman Desa Damai, Sg. Merab

43000 Kajang, Selangor.

Kandungan

Nota dari Penterjemah	xii
Pengantar dari IIIT ESEA	xiii
Fikrah Kod Etika	xiv
Pendahuluan Cetakan Kedua	xvi
Pendahuluan Cetakan Pertama	xxviii
Selayang Pandang Sekitar Kod Etika	xxviii
Objektif Kod Etika	xxix
Kepada Siapa Kod Etika ini ditujukan?	xxix
Hasil Kod Etika	xxx
Impian yang Suci	xxx
Kecenderungan Kod Etika	xxx
Ciri-ciri Kod Etika	xxx

Tema Pertama

Islam yang Kita Seru Kepadanya	1
1. Tauhid yang Sempurna	2
2. Agama Tauhid dan Kesatuan	4
3. Kembali kepada Sumber Asal	5
4. Islam Agama Allah dan Menyeluruh	6
5. Menyeluruhnya Makna Ibadah	7
6. Persaudaraan dalam Islam	8
7. Orang Mukmin yang Kuat	9
8. Waspada daripada Pegangan Agama yang Palsu	9
9. Ketaatan dan Kemaksiatan	10

Tema Kedua

Isu-isu Berkaitan Agama Islam	12
10. Kekeluargaan dalam Islam	13
11. Wanita dalam Islam	13
12. Kebebasan dalam Islam	14
13. Hak-hak Manusia dalam Islam	15
14. Persaudaraan Sesama Manusia dalam Islam	16
15. Dua Kecenderungan yang Saling Melengkap	16

Tema Ketiga	
Hubungan Sesama Pendakwah: Individu dan Berkumpulan	18
16. Saling Menyempurnakan dalam Dakwah	19
17. Memperakui Kepakaran Pihak Lain	19
18. Pendakwah dan Peluang Terbaik	19
19. Unsur Persamaan dalam Kalangan Para Pendakwah	21
20. Keseragaman Fikiran	21
21. Konsep “Jemaah dalam Kalangan Umat Islam”	22
22. Hubungan antara Pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan	22
23. Usaha Melalui Institusi	23
24. Semangat Berpasukan	24
25. Prinsip Syura	24
26. Pengagihan Tugas Secara Damai	25
27. Meneladani Tanpa Abaikan Realiti	26
28. Menghormati Bukan Mensucikan	26
29. Menerima Kewujudan Pihak Lain	27
30. Tidak Memonopoli Kebenaran	28
Tema Keempat	
Peningkatan Kemahiran dan Pengembangan Kerja dan Karya Dakwah	29
31. Penentuan Matlamat dan Objektif	30
32. Ke Arah Masa Hadapan	31
33. Pembaharuan dan Kecelikan Basirah	32
34. Boleh Berdikari	33
35. Model Contoh	33
36. Kerja Dakwah Bukan Martabat yang Diidamkan	34
37. Mengutamakan yang Lebih Berkelayakan	36
38. Keperluan kepada Komitmen yang Tinggi	36
39. Golongan “Narjis” dan Saat Perpisahan	37
40. Semangat Positif	38
41. Antara Lingkaran Pengaruh dan Keprihatinan	38
42. Manusia Tetap Bertanggungjawab	40
43. Sebenarnya Mereka akan Dipertanggungjawabkan	40
44. Keperluan Muhasabah	41

Tema Kelima

Memahami Tabiat Dakwah (Fiqh al-Dakwah)	42
45. Memahami Konsep Ijtihad Secara Kolektif	43
46. Memahami Tabiat Perbezaan Pandangan	43
47. Memahami Realiti Mazhab Fiqh	45
48. Memahami Maqasid Syariah	46
49. Memahami Keutamaan	47
50. Memahami Akibat dan Implikasi	47
51. Memahami Realiti	48
52. Memahami Prinsip Keseimbangan (Wasatiyyah) dan Kesederhanaan (I'tidal)	48
53. Memahami Maslahah (Kebaikan) dan Mafsadah (Kerosakan)	50
54. Memahami Ketetapan Tuhan dalam Kehidupan (Sunnatullah)	50
55. Memahami Pendekatan Bertahap-tahap	51
56. Memahami Kaedah Berperingkat-peringkat	52
57. Memahami Kaedah Membuat Lantikan	52
58. Memahami Cara Menguruskan Fitnah dan Provokasi	54

Tema Keenam

Isu-isu Kaedah dan Metodologi	55
59. Agama Islam dan Usaha Membangunkan Dakwah	56
60. Pendekatan yang Terbaik	56
61. Dakwah yang Bersifat Umum	56
62. Prinsip al-Quran sebagai Rujukan Utama	57
63. Mulakan daripada Langkah Terakhir Generasi Sebelumnya	57
64. Penulisan yang Jelas	58
65. Pemilihan Istilah yang Cermat	58
66. Sentiasa Menyedari Kewujudan Ancaman	59
67. Keikhlasan Mesti Seiring dengan Ketepatan	59
68. Semangat yang Terkawal	60
69. Keberanian untuk “Mara ke Hadapan”	61
70. Keberanian untuk “Berundur”	62
71. Membina Ketenangan	62
72. Menilai Sesuatu pada Hakikatnya, Bukan pada Namanya	63
73. Masyarakat Kita adalah Muslim, Namun...	63
74. Saudara Baru yang Melakukan Hijrah	64

75. Kejayaan dan Kegagalan Silam	65
76. Pendirian Terhadap Peristiwa Huru-hara Akhir Zaman	65
77. Masa Hadapan adalah Milik Islam	66
Tema Ketujuh	
Matlamat dan Perantaraan	68
78. Matlamat dan Perantaraan	69
79. Memberi Perhatian Terhadap Kelompok Berpotensi	69
80. Etika Berdialog	69
81. Ada Ketikanya, Alternatif Kedua Lebih Utama	70
82. Bersuka Ria yang Dibolehkan	70
83. Elakkan Pertengkaran	71
84. Kepentingan Bahasa Arab	72
85. Wasilah Mesti Seiring dengan Matlamat	72
Tema Kelapan	
Kaedah-kaedah Berwaspada	74
86. Dakwah ialah Tanggungjawab, Bukan Pekerjaan	75
87. Hanya Satu Rujukan di Peringkat Pimpinan	75
88. Tipu Daya di Sebalik Slogan Perubahan	76
89. Waspada Ketika Memberikan Reaksi	77
90. Jauhi "Kemewahan" Intelektual	77
91. Sikap Taasub dan Memihak	78
92. Boleh Bersikap Bongkak, Namun...	79
93. Adat Budaya Bukan Ajaran Agama	80
94. Fenomena Sikap Mengasingkan diri, Menyalahkan Pihak Lain dan Tidak Peduli	80
95. Sembang-sembang Kosong yang Membinasakan	81
96. Kelompongan yang Besar	82
97. Bahaya Unsur Mistik	83
98. Keburukan Dakwah Pukul Rata	83
99. Teori Konspirasi	85
100. Percanggahan yang Bermanfaat	86
Penutup	87

Nota dari Penterjemah

Al-salaam 'Alaykum Wrt. Wbt. dan Salam Sejahtera.

Bagi pihak Syura, saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak IIIT, terutamanya kepada sahabat saya Dr. Hisham Altalib kerana menulis sebuah buku kecil tetapi padat mengenai pentingnya usaha dakwah pada masa ini.

Bersama-sama dengan sahabat-sahabat lain, khususnya Ustaz Naim, kami berusaha dalam masa yang agak singkat juga untuk menterjemahkan buku Dr. Hisham supaya risalah dan nasihat serta pengajaran daripada seorang individu yang sudah lama berkecimpung dalam bidang dakwah dan tarbiah, boleh disebarluaskan meluas kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara.

Kami rasa buku ini amat sesuai dijadikan peringatan kepada teman-teman seperjuangan yang berkecimpung dalam organisasi dakwah bahawa kesatuan dalam prinsip-prinsip asas dakwah perlu selalu diutamakan. Kami harap usaha kecil ini akan memberi manfaat kepada semua dan mendapat keredhaan Allah S.W.T.

Akhir sekali, saya ucapkan terima kasih kepada IIIT East and Southeast Asia kerana sudi mencetak buku berserta dengan suntingan bahasa dan format yang menarik. Kerjasama selanjutnya dialu-alukan, wa al-salaam 'Alaykum Wrt. Wbt.

Dato Wira Abdul Ghani Shamsuddin
Pengerusi
Sekretariat Himpunan Ulama' Rantau Asia (SHURA)
28 Oktober 2012/12 Zulhijjah 1433H

Pengantar dari IIIT ESEA

IIIT ESEA telah memulakan siri terjemahan buku terpilih ke bahasa Melayu pada tahun 2020. Antara tajuk penerbitan daripada IIIT adalah seperti yang berikut:

1. *Iktibar daripada Kehidupanku* oleh Dr. Ahmad Totonji.
2. *Kod Etika Dakwah* oleh Dr. Hisham Altalib.

Tujuan utama siri terjemahan IIIT ESEA ke bahasa Melayu adalah untuk membolehkan idea-idea dan pemikiran Islam semasa yang telah dipelopori IIIT selama 4 dekad lebih mudah tersebar di Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

IIIT ialah sebuah organisasi bukan kerajaan yang mempunyai objektif pendidikan dan penyelidikan. Secara khusus, IIIT memajukan agenda integrasi ilmu, yang bermaksud ilmu dan disiplin moden perlu dikaji dan dievaluasi dari perspektif Islam. Melalui siri terjemahan ini, IIIT ESEA berhasrat memberikan sumbangan kecil kepada pembaca dan penyelidik di rantau ini untuk mengenali dengan lebih mendalam tajuk-tajuk pemikiran Islam semasa.

IIIT East and South-East Asia

Kuala Lumpur, Malaysia

FIKRAH KOD ETIKA

Menyeru kaum Muslimin secara umum, khususnya para pendakwah untuk menekuni sekumpulan kaedah, prinsip dan dasar, yang terbentuk darinya kod etika untuk gerak kerja dakwah dan perlembagaan kebudayaan pemikiran dan pelaksanaan, di mana ada ruang untuk meningkatkan keserasian, ketepatan, dan produktiviti dan berkurangnya ruang untuk berlaku khilaf, kesilapan dan kebuntuan.

Pendahuluan Cetakan Kedua

مِيَثَاقُ الشَّرْفِ الدَّعَوِيِّ تَحْوِيلَةُ عَمَلٍ دَعَوِيٍّ مُعْتَدِلٍ

Penulisan *Kod Etika Dakwah* ini dinilai sekali lagi setelah berlalunya satu tempoh yang lama sejak terbitnya cetakan pertama. Dengan niat yang ikhlas, pemikiran yang fokus, keazaman untuk membina penambahbaikan serta kesedaran mendalam terhadap pengajaran hidup yang terbit daripada pelbagai peristiwa pada tahun-tahun kbelumkangan ini, penulis menegaskan bahawa penulisan ini merupakan sebahagian daripada usaha mulia yang mengharapkan redha Allah di samping berkhidmat untuk umat seluruhnya, yang merentas jalur kepuakan (sektarianisme) kepartian, kenegerian dan perkauman. *Kod etika* ini mengutamakan inti (essence) berbanding luaran (externality), mementingkan objektif dan pengisian. Ia boleh disifatkan sebagai sebuah kertas cadangan yang ditujukan kepada semua pihak agar ia dimanfaatkan dan diberi penilaian sewajarnya serta diperbaiki kekurangan yang ada dan dipertingkatkan lagi kualitinya.

Berasaskan semangat dan tujuan ini, lahirlah cetakan kedua yang turut melibatkan pertambahan kaedah-kaedah penting serta pembaikan terhadap beberapa istilah dan ayat agar ia lebih kemas, elok dan terperinci. Penyempurnaan dan pengubahsuaian terhadap sesuatu idea dilakukan di beberapa tempat dalam buku ini. Justeru, *Kod Etika Dakwah* cetakan kedua ini lebih baik daripada cetakan yang pertama. Semoga cetakan ketiga nanti akan menjadi lebih baik daripada cetakan-cetakan sebelumnya.

Penulisan ini telah mendapat penghargaan ramai pihak. Penulis di sini hanya menyebutkan penghargaan dari Almarhum Profesor As-Salih Salih Al-Husain. Penghargaan beliau sangat penting kerana beliau seorang pengkaji yang pakar dalam bidang fiqh dan hukum syarak serta berkemahiran dalam bidang perundangan, memiliki minda yang aktif, ikhlas dan berjiwa zuhud. Selain itu, beliau juga

berpengalaman luas terhadap pendekatan-pendekatan dakwah Islam dari sudut kelebihan dan kekurangannya. Beliau juga merupakan individu yang tidak mudah menghamburkan pujiannya kepada sesuatu pihak yang tidak berkelayakan. Semoga Allah melimpahkan rahmat-Nya yang luas kepada beliau serta melahirkan sebaik-baik pengganti untuk umat ini.

Penulis tidak menganggap penulisan ini sebagai sempurna daripada sebarang kesilapan, kerana kesempurnaan itu hanya milik rasul dan nabi. Mereka yang beranggapan sudah mencapai pengetahuan sempurna, ia sebenarnya jahil terhadap diri sendiri. Hal ini kerana, ilmu itu ibarat lautan tidak bertepi.

Ada sebuah kata-kata yang menarik minat penulis untuk dijadikan pengajaran:

“Aku tidak melihat seseorang yang menerbitkan sebuah tulisan pada hari ini melainkan ia akan berkata pada keesokan harinya: “Seandainya ayat ini diubah, tentu ia semakin baik. Jika perkataan ini ditambah, ayat tersebut semakin cantik. Kalau topik ini didahulukan, ia akan semakin rapi. Andai ayat ini dibuang, susunannya menjadi semakin elok.” Kenyataan-kenyataan ini memiliki pengajaran yang besar. Ia adalah bukti bahawa manusia sering dikelilingi dengan pelbagai kekurangan.”¹

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوَبُ إِلَيْكَ
وَصَلَى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Hisham Altalib

2019M/1440H

¹ Kata-kata ini dikaitkan dengan Qadhi Abd Rahim Al-Baisani. Lihat Al-Qanuji, Siddiq bin Hasan, *Abjad Al-Ulum*, *Al-Washyu Al-Marqum Fi Bayan Ahwal Al-Ulum*. Tahqiq Abd Al-Jabbar Zakkar, Beirut, Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah, 1978m, jilid 1, hlm. 70.

Pendahuluan Cetakan Pertama

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
مِبْيَافُ الشَّرْفِ الدَّعَوِيِّ تَحْوِيلَةٌ عَمَلٌ دَعَوِيٌّ مُعْتَدِلٌ

Kebangkitan Islam telah berkembang di dunia Islam secara menyeluruh. Sesungguhnya, ia adalah fenomena positif lagi berkat yang menunjukkan bahawa umat Islam sudah sedar dan bangun daripada *ghaflah* atau kelekaan serta mula merasai kewujudan mereka. Umat Islam mula berbangga dengan agama mereka, mula berusaha keluar daripada kemunduran mereka dan mula membebaskan diri daripada menjadi pengikut kepada pemikiran dan gaya hidup tertentu.

Dengan kehendak, pemberian dan kelebihan yang dimiliki, Allah Azza wa Jalla menghendaki (sesungguhnya pemberian dan kelebihan milik-Nya) kebangkitan itu telah tiba ke negara-negara bukan Islam. Di sana, perkara-perkara positif telah berlaku dalam tahun-tahun terakhir ini di mana terdapat kelompok Muslim yang belajar atau bekerja, telah mula memikirkan untuk menubuhkan satu badan berdaftar agar mereka mempunyai tempat rujukan bagi sebarang permasalahan fiqh yang timbul seterusnya boleh berfatwa dalam urusan agama dan dunia mereka. Badan tersebut juga menjadi tempat rujukan pentadbiran dan perancangan yang boleh menyelesaikan sebarang bentuk permasalahan yang mereka hadapi dan badan tersebut juga menjadi wakil rasmi mereka dalam berurusan dengan pihak berwajib di tempat mereka menetap. Pencapaian ini adalah kejayaan besar yang menunjukkan bahawa kelompok Muslim mula merentasi daripada sekadar harapan seorang pelajar yang menuntut ilmu atau si pelancong yang bersiar-siar atau si fakir yang mencari rezeki. Jelas, walau apa juga kedudukan, mereka memiliki keupayaan dan keistimewaan. Namun, itu hanya berbentuk sementara dan terbatas. Usaha-usaha tersebut adalah baik, namun ia berhasil secara tidak teratur dan tidak berkesan.

Beberapa Fenomena

Fenomena yang berkat ini tertonjol dalam gambaran yang pelbagai, di mana ia berbeza dan berlainan mengikut keadaan persekitaran. Ia mungkin pusat Islam kepada sesetengah perantau, atau masjid atau syarikat pelaburan atau badan-badan kewangan atau projek-projek memberi hutang pada orang miskin atau majalah atau akhbar atau aktiviti mengarang, menterjemah, menyebar atau utusan dakwah dihantar melalui pihak itu dan ini atau kumpulan yang diminta melaksanakan syariah Islam di sebuah negeri Islam atau gerakan jihad untuk membebaskan negara Islam daripada dijajah; begitulah kepelbagaianya.

Dan tidak diragukan bahawa semua itu perkara yang mengembirakan dan mengujakan, berhak disokong dan didoakan, dan pada masa yang sama, elok juga ia dibetulkan, diberi tunjuk ajar dan bimbingan.

Faktor-faktor yang Pelbagai

Kebangkitan ini lahir daripada beberapa faktor dan terhasil daripada pelbagai usaha individu, berkumpulan, badan-badan, usaha tidak sengaja, secara rasmi atau usaha rakyat. Sebelum semua pencapaian daripada kebangkitan ini terjadi, ia adalah satu ibarat biasa dari asal fitrah, menunjukkan betapa berharapnya umat untuk kembali kepada jati diri dan keaslian kewujudannya. Realiti ini adalah tanda yang bersinar bahawa agama ini dijaga dengan penjagaan Allah Azza wa Jalla dan sentiasa berada dalam peliharaan-Nya.

Bagi yang mengkaji fenomena ini dan ingin melakar sejarahnya, adalah sukar bagi menentukan permulaannya secara terperinci pada waktu tertentu. Ini kerana fenomena demikian dan seumpamanya mempunyai akar umbi yang begitu lama, timbul dan hilang dan ia adalah usaha berterusan yang boleh nampak dan boleh ghaib.

Gerak kerja dakwah hakikatnya ialah gerakan berterusan sejak dahulu lagi dan akan terus kekal dan tak mungkin terputus. Ia kadang-kadang melemah dan menguat, tersalah dan betul, sakit dan sihat, tetapi kekekalananya ialah sunnah Allah, dan sunnah Allah tak akan hilang atau berubah.

Kanun Saling Mendorong

Firman Allah S.W.T di dalam surah Baqarah: 251.

وَلَوْلَا دَفَعَ اللَّهُ أَنَّاساً بَعْضَهُمْ بِبَعْضٍ لَفَسَدَتِ
الْأَرْضُ وَلَكِنَّ اللَّهَ ذُو فَضْلٍ عَلَى الْعَالَمِينَ ﴿٢٥١﴾

Seandainya Allah tidak menolak (keganasan) sebahagian umat manusia dengan sebahagian yang lain, pasti rosaklah bumi ini, tetapi Allah mempunyai kurnia (yang dicurahkan) atas semesta alam.

Maka antara keindahan, kelembutan, rahmat dan keadilan Allah S.W.T ialah menjadikan sebuah aturan atau kanun tertentu bagi setiap perkara ciptaan-Nya. Antara aturan tersebut ialah kanun saling mendorong. Kanun ini berbentuk kanun yang stabil dan yang neutral, ada yang tidak berpihak dan tidak memusuhi, ada yang tidak menyukai individu, kumpulan atau agama, bahkan semua sama sahaja di hadapannya. Maka sesiapa yang baik interaksi dengannya akan berjaya. Bagaimanapun, sesiapa yang buruk interaksi dengannya, akan rugi. Bagaimanapun, antara faedah “kanun saling mendorong” ini ialah ia memberi harapan kepada para pendakwah untuk mendapat peluang dan ia memelihara kehidupan daripada situasi yang tidak boleh dipertingkatkan dan dirosakkan oleh kebekuan dan ia sentiasa mengingatkan Muslim bahawa yang paling berkuasa di alam semesta ini adalah Allah S.W.T. Hal ini memberikan

Muslim nilai tambah kepada keyakinan, ketenangan, tawakal dan keberkesanan dalam menghadapi kehidupan serta mengukuhkan hati dan jiwanya.

Alangkah besarnya hikmah Allah Azza wa Jalla yang telah menjadikan di tengah-tengah kejahanan terdapat pula kebaikan dan di tengah-tengah kebaikan wujud pula kejahanan. Sesungguhnya amat besar hikmahnya apabila Allah S.W.T ketika menjadikan “kanun saling mendorong” ini sebagai satu sistem yang stabil dan konsisten di mana setiap kekuatan di bumi ini – kita suka atau tidak suka – ia sentiasa berada dalam gerakan, ia saling dorong-mendorong dan daripada pergerakan inilah datangnya peluang untuk kebaikan dan kejahanan untuk orang Islam dan bukan Islam untuk mereka berbuat baik atau berbuat jahat melalui proses saling berinteraksi di antara mereka. Menerusi kanun ini, akan diketahui interaksi manakah yang gagal atau yang berjaya.

Pembebasan dan Membebaskan

Ketika penjajah di puncak kekuatannya, ia menguasai dunia Islam semuanya, kecuali Hijjaz, Najd, Afghanistan dan sebahagian Yaman. Pada ketika itu, rakyat bangun mempertahankan tanah air mereka, dan mereka berhabisan menentang penjajah sehingga akhirnya mendapat kemerdekaan. Kini, mereka sedang menuntut pembebasan pemikiran mereka daripada penjajahan budaya, sepetimana mereka membebaskan tanah air mereka daripada penjajahan ketenteraan.

Penjajahan budaya ini lebih berbahaya daripada penjajahan ketenteraan kerana tentera menjajah tanah dan rakyat melihat seterusnya membenci. Sedangkan penjajahan budaya menjajah akal di mana kadang-kadang orang tidak melihatnya lalu mereka menjadi leka terhadapnya dan kemungkinan juga terdapat daripada kalangan mereka yang menyukainya. Oleh itu, tugas umat sekarang lebih besar misi pembebasannya memandangkan penjajahan budaya ini

kian bertambah bahaya kerana ia sentiasa memperbaharui caranya, mempelbagai dan mengelirukan kaedahnya. Inilah antara realiti yang kita saksikan hari ini di mana umat Islam amat gigih berusaha menentang penjajahan budaya ini, malah sudah mencapai tahap yang boleh dibanggakan. Oleh itu, mereka hendaklah meneruskan apa yang sudah dilaksanakan dan terus berkerja sehingga penjajahan budaya ini dapat dihapuskan daripada yang sebesar-besarnya hingga ke sekcil-kecilnya.

Kekalahan Tahun 1967 Masihi

Sepatutnya tahun 1967 adalah titik perubahan dalam sejarah moden. Kekalahan Arab kepada Israel pada ketika itu adalah satu gempa pada jiwa, pemikiran, politik, kemasyarakatan, ketenteraan bagi mereka. Gempa tersebut telah membawa kepada kemarahan rakyat kepada pemimpin-pemimpin mereka yang menyebabkan kekalahan tersebut. Di atas prinsip-prinsip yang dipegang oleh mereka, sama ada yang revolusi, sekular, sosialis, liberalis, nasionalis, aliran Baath; rakyat telah menolak dan membenci mereka. Setelah itu, rakyat mula mencari ganti dan di sinilah mereka menuju kepada Islam. Maka, ini tidak menghairankan kerana mereka memang Muslim. Kemudian jemaah-jemaah, seperti juga golongan perseorangan, mula kembali kepada Allah Azza wa Jalla di saat-saat ujian dan pergolakan.

Dari sini, bolehlah kita katakan bahawa kekalahan tahun 1967 itu telah memberikan satu kekuatan yang mendorong kepada umat Islam. Oleh itu, ia adalah satu peristiwa penting daripada banyak-banyak peristiwa di dalam sejarah. Bagi orang yang boleh mengembalikan ingatannya kepada apa yang berlaku setelah kekalahan 1967, ia akan mendapati umat Islam berusaha untuk menebus kekalahan ini dalam peperangannya dengan Israel pada tahun 1973 dan Soviet berjaya menjajah kembali Afghanistan pada tahun 1989.

Kejatuhan Soviet Union

Kesedaran dan langkah untuk maju berterusan ke seluruh alam telah melalui beberapa kesilapan yang berbeza dari semasa ke semasa, dari satu tempat ke tempat lain dan dari satu sekolah dakwah ke sekolah dakwah yang lain. Namun, kadar kesilapan tersebut tidak pernah membatakan perkara yang betul, malah tidak pernah menghentikan proses kemajuannya yang berterusan, sehingga datangnya gempa besar yang menolaknya beberapa langkah ke hadapan, iaitu kejatuhan Soviet Union pada tahun 1991 dan perpecahannya. Kesatuan yang demikian besar dan gah telah runtuh di tangan “anak-anaknya” sendiri, tiba-tiba saja telah menjadi kumpulan negara-negara kecil yang sebelumnya adalah satu negara besar. Dan mengiringi keruntuhannya itu ialah keruntuhan komunis yang berideologi ateisme iaitu memusuhi agama secara umum, khususnya Islam. Dengan kejatuhan itu, lenyaplah dari alam ini satu entiti besar yang selama ini membuat onar pada Islam dan penganutnya. Maka kejadian itu menjadi peluang untuk kerja dakwah lebih besar di mana ia mula berkembang di tengah-tengah entiti yang lenyap tadi dan berjaya meletakkan dirinya di beberapa tempat baru di sana. Gempa ini adalah salah satu buah daripada buah-buah kanun saling mendorong. Sesungguhnya, seluruh perkara adalah milik Allah S.W.T dari sebelum dan selepasnya.

Menara WTC New York, 11 September

Setelah puluhan tahun berlalu, muncul pula peristiwa ketiga yang menggemparkan dunia iaitu letupan yang berlaku ke atas dua menara Pusat Perdagangan Antarabangsa (WTC) New York pada tahun 2001. Peristiwa yang mengejutkan ini telah mencetuskan pelbagai desas-desus dan ulasan ramai pihak. Ia mungkin menjadi sebahagian peristiwa bersejarah yang kekal misteri. Namun, babak yang berlaku setelah itu ialah penaklukan Amerika Syarikat ke atas Afghanistan dan Iraq serta beberapa implikasi yang berlaku dalam media, politik,

ekonomi, ketenteraan dan budaya. Hal ini menyebabkan agama Islam di seluruh dunia secara umumnya serta di Amerika Syarikat dan benua Eropah secara khususnya menjadi bahan bualan ramai pihak. Majoriti mereka yang mengulas isu ini akan bercakap dengan motif yang buruk dan berdasarkan kejahilan. Hanya sedikit sahaja yang memperkatakan tentangnya dengan cara yang wajar. Setiap ulasan dan perbahasan tentang peristiwa ini, sama ada dalam bentuk positif atau negatif, akan menjadikan Islam sebagai fokus utama perbincangan. Di sudut lain, ia menjadikan situasi ini sebagai peluang terbaik untuk para pendakwah memperelokkan pendekatan dakwah mereka. Inilah antara natijah positif daripada sistem *at-tadafu`* (peraturan atau kanun saling mendorong). Segala urusan adalah dalam pantauan Allah S.W.T sejak mula hingga ke akhir.

Seakannya, Allah S.W.T dengan hikmah-Nya yang mendalam menghendaki dari apa yang telah dan akan berlaku dari peristiwa yang menggegarkan dunia ini agar bumi dipugar dan dibersihkan kembali secara menyeluruh. Ini akan menjadikan dunia bersedia untuk memberi fokus kepada agama ini kembali dalam usaha mengeluarkan keinsanan dari kesesatan kepada petunjuk dan daripada kesengsaraan kepada kebahagiaan.

Kesedaran yang Penting dan Dikehendaki

Apa juá bentuk situasi yang berlaku, umat Islam perlu menyedari perkara-perkara berikut dengan baik:

- Ini adalah peluang terbaik yang jarang-jarang wujud untuk memperkenalkan ciri-ciri agama Islam kepada dunia. Peluang ini akan berlalu begitu sahaja jika pendakwah yang berkemahiran dan ikhlas tidak menggunakan peluang ini dengan sebaiknya.

- Sunnatullah (ketetapan Allah pada alam) tidak akan memberikan kemenangan kepada umat Islam secara percuma, hanya kerana mereka menganut Islam semata-mata.
- Sekelompok Muslim yang berkemahiran dan bijak perlu diwujudkan bagi mengenal pasti bentuk-bentuk kesilapan dalam berdakwah serta mengingatkan yang lain. Mereka juga perlu memulihkan kesilapan yang sedang berlaku serta meminimumkan implikasi buruknya.
- Berusaha memanfaatkan segala prospek, wasilah dan peralatan moden dalam aktiviti dakwah agar dakwah tidak menjadi kaku, lemah dan tidak bermaya.
- Berusaha menjadikan kerja-kerja dakwah lebih berkualiti dan membawanya ke haluan yang tepat.
- Berusaha melebarkan kerjasama sesama aktivis dakwah serta menutup ruang-ruang perbalahan sesama mereka.

Masalah dan Ancaman

Kesedaran umat telah bangkit pada kadar yang baik dan hal ini menggembirakan ramai pihak. Mereka mula membina harapan baru di atas apa yang berlaku.

Agar semua pihak mengetahui gambaran yang sebenar, mereka perlu menyedari bahawa fenomena yang zahirnya kelihatan menggembirakan ini hakikatnya dikelilingi oleh pelbagai masalah yang boleh menyekat kemajuannya, iaitu:

- Sikap konfrontasi antara sesama Muslim. Mereka memusuhi dan membuat perancangan tertentu kepada lawannya. Ia menatijahkan fitnah dan permusuhan serta berakhir dengan perbalahan. Masyarakat luar melihat pertembungan di antara sesama umat Islam secara umumnya dan sesama pendakwah secara khususnya sebagai pertembungan yang tajam. Ia

umpama penyakit yang kronik dan sukar diubati. Ramai umat Islam yang terbabit dalam konfrontasi ini melainkan mereka yang diselamatkan oleh Tuhan.

- Terdapat usaha-usaha yang ikhlas namun ia tidak menepati cara yang sepatutnya. Contohnya, melaksanakan sesuatu idea tanpa sebarang keperluan mendesak, memilih pendekatan yang kurang sesuai dan ditegah syarak sedangkan terdapat cara yang lebih baik, atau menggunakan pendekatan yang mencetuskan mudarat dan gangguan.
- Kebanyakan aktivis di lapangan dakwah mempunyai sikap yang naif dan terlalu “baik hati” hingga membawa kepada kealpaan terhadap realiti kehidupan. Mereka berisiko menjadi mangsa golongan yang jahat serta mudah terjebak kepada natijah kebodohan dan bahaya yang membinasakan. Hal ini boleh memberikan kesan buruk kepada rakyat dan negara. Mereka menjadi sebab orang lain membenci aktivis dakwah. Malah mungkin ada yang membenci Islam dan takut kepadanya disebabkan kenaifan mereka. Kenaifan dan kejahilan kelompok aktivis ini sering berlaku di lapangan politik. Di lapangan ini, mereka sering melakukan pelbagai usaha dan pengorbanan, namun merekalah orang pertama yang menjadi mangsa keadaan. Akhirnya, mereka terpaksa membayar dengan harga yang mahal. Malah lebih memburukkan keadaan lagi, negara dan orang ramai turut terkena tempias buruknya.

Punca Permasalahan

Tanpa ragu-ragu, permasalahan seperti ini tidak mungkin dikaitkan dengan satu faktor sahaja. Ia timbul daripada sekelompok faktor yang berselirat dan pelbagai sebab, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Ia berpunca antaranya daripada sikap naif dan terlalu baik hati pendakwah, tergesa-gesa dan gopoh, mudah diperdaya

menjadi mangsa provokasi, jahil terhadap sunnatullah dan ketetapan kehidupan, bersikap tamak dan menurut nafsu di sebalik slogan agama, terpukau terhadap harta, pangkat dan kemewahan. Terdapat juga punca-punca yang berkaitan tahap penguasaan dan kefahaman terhadap sesuatu isu. Cabaran-cabaran yang wujud dalam sesuatu fasa yang ditempuhi oleh umat Islam juga antara salah satu faktor permasalahan. Ia suatu fasa yang sukar yang memberikan kesan negatif dalam pelbagai bidang kehidupan, antaranya bidang dakwah.

Jika hasil diagnosi atau kajian teliti memberikan natijah demikian, maka kita perlu mengakui bahawa bentuk penyelesaiannya tidaklah mudah dan simplistik. Ia memerlukan bentuk penyelesaian yang berpakej dan saling menyempurnakan antara satu sama lain.

Langkah Awal Rawatan

Barangkali, langkah awal bagi memulakan proses rawatan ini ialah membetulkan kerangka asas pemikiran dalam kalangan aktivitis dakwah.

Ini kerana kerangka asas pemikiran banyak memberi kesan terhadap cara fikir, metodologi menilai dan menganalisis dan faktor-faktor seseorang itu melakukan tindakan.

Secara umumnya, perkara yang disepakati oleh semua manusia ialah berfikir secara salah akan membawa kepada tindakan-tindakan yang salah, sementara pemikiran yang tepat akan menatijahkan tindakan yang tepat.

Realitinya tidak ada mana-mana pihak mendakwa memulihkan cara berfikir akan terus menyelesaikan permasalahan yang melanda. Namun, ia berupaya mengurangkan kadar sesuatu permasalahan.

Oleh kerana tindakan manusia ada ketikanya tepat, dan ada ketikanya salah, mereka secara berkala perlu kepada tunjur ajar, pembetulan, nasihat dan penilaian semula dari semasa ke semasa.

Ancaman Dalaman dan Luaran

Sesuatu kebangkitan itu tidak sekadar menghadapi ancaman luaran, malah ia juga menerima ancaman dari dalam. Dalam banyak keadaan, ancaman dalaman merupakan ancaman yang paling berbahaya berbanding ancaman luaran.

Bentuk-bentuk ancaman luaran sering kali datang daripada musuh-musuh Islam dalam pelbagai rupa dan cara. Sementara ancaman dalaman pula datang daripada kalangan umat Islam sendiri. Ia muncul dalam bentuk kefahaman-kefahaman yang salah, pemikiran terpesong, kecenderungan psikologi yang tersasar, sikap gopoh yang menyanggahi tabiat sesuatu proses, idea-idea yang tidak realistik dan pelbagai lagi.

Keperluan kepada Kod Etika

Dari sinilah munculnya keperluan terhadap sebuah kod etika yang boleh dipersembahkan kepada golongan aktivis di lapangan dakwah. Kod etika ini memuatkan kaedah-kaedah asas yang sesuai dengan semua peringkat aktivis atau sekurang-kurangnya sesuai dengan kebanyakan golongan ini. Kod etika ini memiliki dimensi yang luas, mencakupi dan relevan untuk golongan intelektual dan pihak cakna atau peka isu semasa. Ia juga fleksibel atau anjal dengan pelbagai pendekatan dalam satu lapangan kerana manusia itu tidak mungkin mempunyai pemikiran dan pendekatan yang sama dalam semua perkara. Ciri ini boleh dinamakan sebagai “kepelbagaian dalam kesatuan” atau ia bercirikan “perbezaan bernuansa kepelbagaian, bukan perbezaan bernuansa perpecahan”.

Atas tujuan ini serta merasakan tanggungjawab dalam melaksanakan tugas memberikan cadangan dan pembaharuan, penulis mempersempahkan beberapa kaedah asas, di mana penulis merasakan, andai ia difahami dengan baik dan dimanfaatkan, ia mampu melonjakkan fungsi dan kemajuan umat Islam ke hadapan sehingga umat ini mencapai kejayaan yang diharapkan dengan izin Allah.

Penulis berharap tulisan ini dapat menjadi pembimbing serta rujukan bersama para pendakwah, bertitik tolak dari motivasi dan kemahuan diri terhadap kemuliaan dan kebenaran. Dari sinilah munculnya nama “*Mithaq Al-Sharaf Ad-Da`awi*” (*Kod Etika Dakwah*) sebagai judul buku. Keupayaan untuk bersama di atas idea-idea kod etika ini merupakan natijah kepada kepercayaan yang bebas, komitmen dengan kerelaan hati, kemahuan yang jujur, keyakinan yang teguh serta kehormatan terhadap idealisme buku ini.

Selain itu, penulis juga berharap kod etika ini dapat terus dikaji dengan serius oleh aktivis dakwah yang berkemahiran dan cakna maruah umat. Ia bertujuan agar kebaikannya dapat diadaptasi dan kesilapannya dapat diperbaiki serta diberikan cadangan-cadangan yang membina agar cetakan yang akan datang lebih baik dari cetakan sebelumnya.

Semoga Allah memberikan taufik terhadap apa yang direhdhai-Nya, mempergunakan kita pada perkara-perkara kebaikan dan menganugerahkan kita niat yang ikhlas dan cara yang betul. Segala puji-pujian adalah milik-Mu wahai Tuhan ketika sebelum, sewaktu dan selepas Engkau redha.

وَصَلَّى اللَّهُ وَسَلَّمَ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ

Hisham Altalib

2009M/1430H

Selayang Pandang Sekitar Kod Etika

Antara perkara yang patut disebut ialah kod etika ini adalah sebuah kaedah hasil usaha keras, kepayahan, penelitian, rujukan, bacaan, pemerhatian panjang dan berterusan pada yang betul dan salah dalam bidang kerja dakwah, di dalamnya ada yang sudah sempurna pembentukannya sejak awal, di dalamnya ada yang dikutip daripada ertinya atau daripada lafaznya dari sini dan sana untuk mendapatkan kepuasan dengannya.

Objektif Kod Etika

Objektif kod etika ini ialah untuk menentukan sekumpulan kaedah yang diharapkan menjadi tempat persetujuan semua dan ia dapat diterima dan dihormati oleh mereka.

Jika kita hendak ringkaskan objektif kod etika ini di dalam ibarat yang mudah dan memberi petunjuk, maka bolehlah dikatakan ia “memperbetulkan laluan kerja dakwah, mendekatkan di antara para petugasnya dan mengajukan dimensi baru untuknya”.

Kepada Siapa Kod Etika Ini Ditujukan?

Sesungguhnya, kod etika ini ditujukan pada semua, tetapi yang paling utama dan secara tabiinya ditujukan kepada para pendakwah, merekalah yang paling patut mengambil faedah darinya dan merekalah yang paling mampu memperbetulkannya dan menambahkannya.

Hasil Kod Etika

Jika sempurna kod etika ini, keuntungannya amat banyak dan antara yang paling jelasnya:

- Menyebarluaskan roh kasih sayang dan kepercayaan antara para pendakwah dan mendekatkan antara yang rasmi dan tidak rasmi dalam kerja dakwah.

- Mengurangkan ruang khilaf, bersalah dan menambahkan ruang kedamaian dan kebenaran.
- Mendukung semangat kritik yang membina dan memperluas ufuk pandangan, pemikiran dan akan menyumbang ke arah kreativiti dan pembaharuan.
- Saling membantu dalam perkara yang disepakati bersama dan saling memaafkan pada perkara yang menjadi khilaf dan akan keluar daripada ruang kebuntuan dan masuk ke dalam ruang produktif.

Impian yang Suci

Kod etika ini mengimpikan untuk menjadi:

- Kertas kerja yang bersumberkan al-Quran al-Karim dan as-Sunnah al-Mutahharah.
- Jauh daripada keterlaluan dan kekurangan dan menjadi model kepada *wasati* dan sederhana.
- Tidak akan membawa acuan parti tertentu atau kelompok tertentu atau jemaah tertentu atau sekolah dakwah atau ijihad fiqah atau terikat dengan iklim tertentu dan tidak akan mendukung satu pun daripada pihak-pihak tadi dan tidak akan mengecalkan pihak-pihak lain.
- Sepertimana ia mengimpikan kod etika ini menjadi perlembagaan dari sudut pemikiran, akhlak, tarbiah, praktikal bagi para pendakwah dan menjadi perjanjian utama yang mereka pegang dan akuinya.
- Menjadi nilai tambah yang berkualiti, bukan sampingan sahaja serta mempunyai kedudukan yang serius di samping piagam-piagam lain yang seumpamanya.

Kecenderungan Kod Etika

Piagam ini mengimpikan kecenderungannya kepada:

- Islam yang merupakan jalan kebahagian kita di dunia dan akhirat.
- Ummah yang kita bergabung dengannya, kita berbangga dengannya dan menghormatinya.
- Kerja dakwah yang semulia-mulia tugas dalam kehidupan dan ia adalah tugas para nabi dan rasul.
- Tanah air yang mendukung agama, bahasa, warisan dan umatnya sejak dulu, kini dan akan datang.
- Para pendakwah daripada generasi akan datang akan menjadi lebih tepat dan kurang kesilapan dalam urusannya.

Ciri-ciri Kod Etika

Oleh sebab itulah, kod etika ini menitikberatkan ciri ketelitian, objektif, bersih, neutral, jelas, ilmiah dan seimbang serta menekankan nilai kesopanan yang tinggi dan lisan yang bermaruah, sehingga pembaca merasai bahawa di sebalik kod etika ini, ia adalah realiti bukan lakonan serta mempunyai roh terbaik yang mempunyai ufuk melangit, dada yang luas dan keinginan yang benar bersungguh-sungguh untuk berkhidmat dalam gerak kerja dakwah.



Tema Pertama

Islam yang Kita Seru Kepadanya

1. Tauhid yang Sempurna

قُلْ إِنَّمَا هَدَنِي رَبِّي إِلَى صِرَاطٍ مُّسْتَقِيمٍ دِينَ أَقِيمَ مَالَةً إِبْرَاهِيمَ حَنِيفًا
وَمَا كَانَ مِنَ الْمُشْرِكِينَ ﴿١٦١﴾ قُلْ إِنَّ صَلَاتِي وَنُسُكِي وَمَحْيَايَ وَمَمَاتِي
لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ ﴿١٦٢﴾ لَا شَرِيكَ لَهُ وَبِذَلِكَ أُمِرْتُ وَأَنَا أَوَّلُ الْمُسْلِمِينَ

161. Katakanlah: “Sesungguhnya aku telah ditunjukkan oleh Tuhaniku kepada jalan yang lurus, (iaitu) agama yang benar, agama Ibrahim yang lurus, dan Ibrahim itu bukanlah termasuk orang-orang musyrik.”
162. Katakanlah: “Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta alam.”
163. Tiada sekutu bagi-Nya; dan demikian Itulah yang diperintahkan kepadaku dan aku ialah orang yang pertama menyerahkan diri (kepada Allah).

Kita beriman dengan Allah S.W.T, bahawa Dialah yang mencipta alam dan mengurusnya, Dialah satu-satunya yang disembah sebenar-benarnya, yang bersifat dengan segala sifat yang agung dan sempurna, yang suci daripada segala kekurangan, dan yang kita cintai, mentauhidkan, mengagungkan dan yang ditakuti dan mengharapkan-Nya.

Kita menyeru umat Islam secara umum, para dai secara khusus, untuk memberi keutamaan secara mutlak kepada topik akidah, pemahaman, keimanan, perasaan, tingkah laku, ke atas topik-topik yang lain kerana ia adalah yang asal terawal dan terbesar bagi

setiap perbahasan agama di peringkat usul dan *furu'nya*, dan ia adalah perkara asal yang akan mengiringi semua perbahasan secara berterusan, sepetimana ia juga mengiringi kehidupan Muslim di dalam semua hal.

Sesungguhnya akidah bukanlah satu fasal dalam kitab yang dibaca seorang Muslim kemudian menutupnya untuk pindah ke tajuk lain, malah ia adalah fasal awal yang dibaca oleh Muslim, kemudian akan sentiasa mengiringinya bersama ketika ia membaca fasal-fasal yang lain.

Sesungguhnya akidah adalah suatu keadaan pemikiran, perasaan dan perlaksanaan yang mengiringi seseorang Muslim, mengawal seluruh kehidupannya sehingga dia mati, dan inilah yang memanggil – di antara perkara yang memanggilnya – untuk seseorang Muslim itu mendalaminya dengan pengetahuan yang mendalam, terperinci merangkumi seluruh keperluan akidah ini, dan yang paling pentingnya mentauhidkan Allah Azza wa Jalla, mengesakannya dalam beribadat, melaksana hukum-hakamnya, sepetimana ia terpanggil juga untuk mendalami perkara-perkara yang membantalkan akidah, yang boleh mengeluarkannya dari agama secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dan antara perkara yang amat menakjubkan ialah anak-anak orang Islam di atas dunia ini menghafaz perkara-perkara yang membantalkan wuduk, tetapi tidak menghafaz perkara-perkara yang membantalkan akidah, walaupun semua itu dituntut, namun amat berbeza di antara yang itu dan yang ini.

Dari sudut yang lain pula, patut diambil perhatian agar topik tauhid tidak berubah menjadi sekadar alat hafazan secara literal yang kontang, pendukung pemikiran ini menyangka hanya mereka sahaja di jalan yang benar, terkenal dalam kalangan mereka rasa bangga dan meninggi diri, maka mereka berinteraksi dengan golongan lain dengan cara yang kasar dan sompong.

Sesungguhnya, kepercayaan pada pendirian mereka yang benar adalah terpuji dan dituntut, tetapi sepatutnya pendirian tersebut diiringi dengan perasaan yang baik terhadap orang lain, dengan demikian itu mereka menjadi para dai yang dikasihi bukan dijauhi, penuh kasih sayang bukan kekerasan, dan jadilah tauhid dalam kehidupan mereka dengan gambaran terbaiknya dari sudut akal, hati dan sikap.

Sebahagian ilmuwan menyimpulkan syarat merealisasikan tauhid (tiada tuhan selain Allah) dengan tujuh kalimat, ia ialah ilmu yang menafikan kejahilan, keyakinan yang menafikan kesangsian, keikhlasan yang menafikan kesyirikan, kebenaran yang menafikan kemunafikan, penerimaan yang menafikan penolakan, ketekunan yang menafikan pengabaian, dan kasih sayang yang menafikan ketiadaannya.

2. Agama Tauhid dan Kesatuan

Islam adalah agama tauhid, agama kesatuan, maka umat Islam mengesakan Tuhan mereka dengan seluruh sifat ketinggiannya, dan menyatukan gerakan mereka di bumiya, oleh itu sepatutnya kerja dakwah memberi perhatian kepada seruan menyatukan fikiran, perasaan dan pelaksanaan, dan memberi peringatan bahayanya perpecahan pemikiran, perasaan dan pelaksanaan, bersatu itu kuat, rahmat, berkat dan berkesan, sepiritmania ia juga mengundang bantuan Allah S.W.T dan pertolongannya, dan perpecahan adalah sebaliknya.

Sesungguhnya, kerja dakwah tidak akan mampu untuk mempersempit kepada umat keuntungan-keuntungan yang memadai usaha-usaha dan pengorbanan-pengorbanannya yang banyak untuk mereka, walaupun ia mempunyai sumbangan yang besar kepada mereka, malah menjadi pemberi gambaran sebenar kepada segala kerusingan dan harapan mereka, ini berbalik kepada

beberapa faktor, yang paling utama dideritai gerak kerja Islami ialah perpecahan, terkadang sampai menimbulkan kebencian dan permusuhan. Antara perkara yang boleh membantu untuk merealisasikan kesatuan yang diimpikan atau mendekatinya ialah mengikhlaskan niat kepada Allah S.W.T, dan menyebarkan kasih sayang, dan meninggalkan debat dalam masalah-masalah pinggiran dalam isu akidah, ranting-ranting dalam masalah fiqah, yang orang dahulu berkhilaf tentangnya, dan orang sekarang pun masih bertelagah, padahal yang tepat mendapat ganjaran, yang salah masih diberi keuzuran.

3. Kembali kepada Sumber Asal

Allah Taala berfirman di dalam surah Nisa': 83.

وَإِذَا جَاءَهُمْ أَمْرٌ مِّنْ أَنْفُسِهِمْ أَوْ مِنَ الْأَمْنِ أَوِ الْحَوْقَفِ أَذْعُوا يَهُهُ وَلَوْرَدُوهُ إِلَى الرَّسُولِ وَلَيَأْتِي أُولَئِكُمْ مِّنْهُمْ لِعِلْمِهِ الَّذِينَ يَسْتَبِطُونَهُ مِنْهُمْ وَلَوْلَا فَضْلُ اللَّهِ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُهُ لَا تَبْغُونَ
الشَّيْطَانَ إِلَّا قَلِيلًا ﴿٨٣﴾

83. *Dan apabila datang kepada mereka suatu berita tentang keamanan ataupun ketakutan, mereka lalu menyiarkannya. Dan kalau mereka menyerahkannya kepada Rasul dan ulil Amri [322] di antara mereka, tentulah orang-orang yang ingin mengetahui kebenarannya (akan dapat) mengetahuinya dari mereka (Rasul dan ulil Amri) [323]. Kalau tidaklah kerana kurnia dan rahmat Allah kepada kamu, tentulah kamu mengikut syaitan, kecuali sebahagian kecil saja (di antaramu).*

[322] *Ialah: tokoh-tokoh sahabat dan para cendekiawan di antara mereka.*

[323] Menurut mufassirin yang lain maksudnya ialah kalau suatu berita tentang keamanan dan ketakutan itu disampaikan kepada Rasul dan ulil Amri, tentulah Rasul dan ulil Amri yang ahli dapat menetapkan kesimpulan (*istimbat*) dari berita itu.

Oleh kerana kita menyukai kebaikan untuk semua orang, dan kita bertanggungjawab mengajak mereka ke arah kebaikan tersebut, maka kita mengajak mereka berkenalan dengannya daripada sumber asalnya dengan hati yang terbuka, akal yang insaf, meyakini bahawa mereka akan dapati padanya petunjuk setelah kesesatan, mendapat kebenaran setelah kebatilan, keamanan setelah ketakutan, ketenangan setelah kebimbangan, keafiatan setelah ujian, dan mereka juga akan temui padanya penyelesaian kepada setiap masalah mereka, dan jawapan kepada setiap persoalan mereka.

4. Islam Agama Allah dan Menyeluruh

Allah Taala berfirman dalam surah Ali Imran: 19 dan 85.

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ أُلْأَسْلَمُ^{١٩}

19. Sesungguhnya agama (yang diredhai) di sisi Allah hanyalah Islam.

وَمَنْ يَتَّبِعَ غَيْرَ الْإِسْلَامِ دِينًا فَنَّ يُقْبَلَ مِنْهُ وَهُوَ فِي الْآخِرَةِ
مِنَ الْخَسِيرِينَ^{٨٥}

85. Barang siapa mencari agama selain agama Islam,
Maka sekali-kali tidaklah akan diterima (agama itu)
daripadanya, dan dia di akhirat termasuk orang-orang yang rugi.

Kita beriman bahawa Islam ialah agama Allah Azza wa Jalla, yang kekal, terpelihara, sahih, penutup, dan ia pada kita ialah satu fenomena, identiti, penyelesai, yang lalu, yang sekarang, dan yang akan datang, ia ialah jalan kebahagiaan kita di dunia dan akhirat, dan sistem hidup kita yang dipilih oleh Allah Taala kepada kita, kita beriman dengannya, kita menghargainya, kita berjuang kerananya, dan kita mengorbankan untuknya segala yang mahal dan bernilai.

Islam ialah agama Allah yang terakhir untuk manusia, oleh itu ia mempunyai sistem yang menyeluruh, menyusun seluruh urusan kehidupan, daripada individu, jemaah dan negara, maka ia ialah agama, negara, undang-undang, ibadat, ekonomi, akhlak, kesihatan, hubungan keluargaan, kemasyarakatan, kenegaraan dan seumpamanya. Ia juga mengiringi manusia daripada kelahirannya ke sepanjang hayatnya, matinya dan kebangkitannya.

Oleh itu, sepatutnya para dai haruslah fokus pada dasar menyeluruh Islam dan mengangkatnya, dan menolak cubaan mengecilkan Islam di dalam beberapa syiar ibadah sahaja, dan perkara yang patut dilakukan ialah jangan tenggelam dalam isu-isu ranting, dan bahagian-bahagian kecil, sehingga menjadikannya seolah-olah ia isu usul dan utama, jika ada tuntutan keperluan untuk membincangkan isu furuk atau bahagian-bahagian kecil, hendaklah diletakkan pada tempatnya, masanya, keadaannya mengikut saiznya yang sesuai.

5. Menyeluruhnya Makna Ibadah

Sesungguhnya, kemuncak kewujudan manusia seluruhnya adalah untuk ibadah kepada Allah Azza wa Jalla yang berfirman di dalam surah az-Zariyat: 56.

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ
٥٦

56. *Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdi kepada-Ku.*

Dan inilah maksudnya yang menyeluruh untuk ibadah, menjadikan manusia lebih taat pada Allah Azza wa Jalla, lebih gembira dengan hubungannya yang berterusan dengan Allah, dan lebih bermanfaat untuk rakyat dan negara, dan yang mendukacitakan ialah kefahaman seperti ini dipencarkan oleh kebanyakan orang di dalam beberapa syiar ibadah sahaja, jadilah ia pada mereka ibarat seluruh ibadah. Antara perkara yang patut disebut di sini ialah pembahagian secara istilah yang dikenali di dalam *turath Islami* kepada akidah, ibadah, muamalah, ia juga adalah pembahagian ilmiah yang membawa kepada tuntutan pengajian dan pendidikan, tidak lebih atau kurang dari itu, akan tetapi pembahagian ini mengheret sebahagian mereka untuk mengecilkan fahaman ibadah kepada syiar-syiar ibadah sahaja, dan ia amat salah boleh membawa kepada tersebarnya salah faham dari satu sudut, dan menampakkan wajah keibadatan dalam syiar-syiar adalah lebih dari selainnya di sudut yang lain, oleh yang demikian itu kita beriman dengan kefahaman ibadah dengan maksudnya yang luas seperti yang dijalani oleh salafus soleh dahulu, dan kita mengajak setiap Muslim agar berpegang dengan kefahaman ini, di mana ibadah itu merangkumi segalanya di sisi Allah, dari akidah, politik, syiar-syiar ibadah, muamalat, mengimarahkan bumi, menyampaikan risalah, menikmati yang halal, rekreasi, tekun bekerja, membuat kebijakan dan lain-lain lagi seumpamanya.

6. Persaudaraan dalam Islam

Persaudaraan dalam Islam adalah prinsip asal daripada prinsip-prinsip Islam, dan rukun asal daripada dasar-dasar kerja dakwah, tersebarnya ia akan mengundang keredhaan Allah Taala dari langitnya, dan mengundang bantuan dari buminya, dan kehilangannya akan

mengundang kemarahan Allah Azza wa Jalla di langitnya, dan berlaku kekecewaan dibuminya, maka menjadi tugas para dai untuk mengangkat martabatnya dari idealogi yang teori dan praktikal, dan memberi peringatan pada sesiapa yang ingkarinya. Sesungguhnya, merealisasikan ukhuwah itu di antara para dai mengundang ramah dan rahmah, bantuan dan sokongan, dan berita gembira yang membawa ke arah kejayaan, dan kehilangannya mengundang sebaliknya, iaitu kekeruhan, kekerasan, terkesan dan bimbang, ini peringatan yang membawa kepada kekecewaan.

7. Orang Mukmin yang Kuat

Menjadi kewajipan kita berusaha mempersiapkan mukmin yang kuat, kerana ia lebih baik, dan lebih dicintai Allah daripada mukmin yang lemah, seperti yang tersebut di dalam hadith *syarif*, dan sepertimana kekuatan itu pada akidah yang sahih, pada iman yang mendalam, pada tingkah laku yang istiqamah, pada akal yang sedar, pada tubuh badan yang kuat, ini mendorong kita mengambil berat terhadap tubuh badan kita dengan penjagaan yang sempurna dan seimbang, yang demikian itu dengan memberi tumpuan pada setiap apa yang berfaedah padanya seperti pemakanan, senaman, kebersihan dan yang berkaitan dengannya, dan berhati-hati pada apa yang menyakitnya seperti pengambilan dadah, rokok, minuman keras dan seumpamanya, itu amat memberi faedah yang maksima, antaranya tubuh seperti itu mampu menanggung beban kerja-kerja dakwah dengan penuh kesungguhan dan kekuatan.

8. Waspada daripada Pegangan Agama yang Palsu

Pegangan agama yang sahih itu dengan akal yang sedar, hati yang *salim* (sejahtera), pemiliknya menjadi amat menonjol dalam kalangan masyarakat, menjadi contoh yang disayangi, dikagumi dan diteladani.

Sesungguhnya, jika kita mendukung cara beragama seperti itu, kita harus berhati-hati dengan cara sebaliknya iaitu beragama secara palsu, yang lahir daripada akal yang tidak seimbang, atau hati yang sakit atau kedua-duanya ada serentak kerana itu kecenderungannya, dan penghujungnya akan bekerja untuk sesuatu yang samar-samar atau untuk kepentingan tertentu atau untuk kedua-duanya secara bersama, jadilah pemakainya amat dibenci oleh orang ramai dan contoh yang disempadani.

Sesungguhnya, sejak dulu lagi jenis beragama seperti ini – sehingga kini – menjadi penyebab yang menyekat dari agama Allah, kemudian impaknya amat mudarat, lebih buruk begitu banyak daripada impak melakukan maksiat yang tidak dikira pelakunya orang agama.

Antara ciri-ciri pengamal agama secara palsu ialah fokus menjaga luaran, mengabaikan elemen-elemen dalaman, lebih menjaga yang sunat berbanding yang wajib, akan bekerja untuk kepentingan diri, dan mengabaikan kepentingan umum.

Antara ciri-cirinya juga, pengamalnya akan memakaikan hawa nafsu mereka, aktiviti peribadi mereka, dan kelemahan mereka dengan pakaian agama, dan sering mengejar kedudukan yang tidak layak buat mereka, dan akan memperkecil orang lain yang mencapai kedudukan yang mulia dengan kelayakan dan kemampuan.

9. Ketaatan dan Kemaksiatan

Terdekah hati kepada ketaatan dan kemaksiatan, begitu juga para anggotanya, dan kerja hati adalah pendahulu kepada kerja anggota badan kerana ia berhubung dengan hati, dan ia adalah jauhar manusia yang mendorong kepada ketaatan atau kemaksiatan.

Oleh itu, untuk selamat daripada kemaksiatan hati lebih susah daripada kemaksiatan anggota. Berusaha mendapat ketaatan hati itu lebih payah daripada berusaha mendapat ketaatan anggota.

Menjadi kewajipan seorang Muslim menjauhi maksiat, dan beriltizam dengan ketaatan pada keduanya secara bersama, dengan demikian itu akan terhasillah baginya keseimbangan yang dituntut antara bentuk luaran dan jauhar dalaman, antara gambar dan kandungannya, antara benarnya niat dan gerakan tubuh.



Tema Kedua

Isu-isu Berkaitan Agama Islam

10. Kekeluargaan dalam Islam

Firman Allah S.W.T di dalam surah at-Tahrim: 6.

يَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوْمٌ فَارِكُوْنَ
وَقُوْدُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

6. *Hai orang-orang yang beriman, peliharalah dirimu dan keluargamu dari api neraka yang bahan bakarnya adalah manusia dan batu;*

Perkahwinan antara lelaki dan perempuan adalah satu-satunya jalan syarie untuk membentuk sebuah keluarga, yang ia ialah tempat *hadhanah* (nurseri) pertama dan yang terpentingnya, dan ia adalah asas terbesar dalam entiti bangsa, dan buaian semula jadi kepada fitrah kanak-kanak dan tunas-tunas, dan tanggungjawab mengurusnya terletak di bahu ayah ibu secara bersama. Oleh itu, kita menyeru ke arah memelihara dan menjaganya, dengan mengangkat nilainya, dan mempersiapkan peralatan asas untuk menjayakannya, dan kita berdiri dengan penuh kekuatan menentang percubaan yang banyak dan sering berevolusi untuk merosakkannya atau cuba mengurangkan nilainya.

11. Wanita dalam Islam

Wanita Islam menderita dengan kezaliman besar yang dikenakan padanya oleh dua pihak yang ekstrem, pertama daripada sekular yang ekstrem yang berusaha merosakkan wanita Islam, dan menjauhinya dari agamanya, fitrahnya, kemuliaannya dan keistimewaannya. Kedua ialah ekstrem agama yang berusaha memumiakan wanita Islam dengan membeku dan membatukannya, malah menghalangnya daripada menunaikan peranannya dalam kehidupan, dan pembawa dua ekstrem ini amat dikecam hatta walaupun niat mereka baik.

Sesungguhnya, mereka ini memandang wanita dengan pandangan yang syak, ragu-ragu, menghina dan dengan kefahaman yang salah terhadap prinsip *qawwamah*, pandangan seperti ini hanya memperlihatkan kejahanan terhadap hak-hak wanita dalam Islam dan hak-hak peribadinya, penguasaan adat dan budaya yang menebal sejak berzaman, sudah dipakaikan semua itu dengan pakaian agama, padahal agama tiada kaitan dengannya.

Sesungguhnya, menjadi kewajipan ke atas umat Islam secara umumnya, dan para dai secara khusus, untuk memberi kepercayaan pada wanita, beri haknya, buka laluan untuk wanita mengambil tempatnya dalam kehidupan ini, dan yang paling utamanya dapat memainkan peranannya dalam dakwah, ini akan memberi faedah yang banyak, yang paling nyatanya merealisasikan keadilan, dan keadilan ialah prinsip Islam yang penting, dan dapat memanfaatkan usaha mereka dalam kerja dakwah, apatah lagi di ruang-ruang di mana mereka boleh mengatasi lelaki, dan boleh memotong terus terhadap dakwaan-dakwaan sesat yang menipu mereka, malah mengelirukan mereka bahawa ia ingin membebaskan mereka, yang berselindung di sebalik alasan kezaliman-kezaliman yang pernah menghantui wanita di sana dan sini.

Sesungguhnya, Islamlah yang membebaskan wanita dengan pembebasan yang adil dan seimbang, menjaga hak-haknya, kemuliaannya, kebebasannya, fitrahnya dan hak-hak peribadinya, malah menjadikannya sebahagian daripada komuniti, saudara kepada lelaki dan pembina generasi.

12. Kebebasan dalam Islam

Menjadi tuntutan pada para dai untuk cenderung kepada kebebasan yang terikat dengan undang-undang tempatan. Adapun kebebasan mutlak adalah kebodohan yang besar, malah ia himpunan segala kebodohan, dan agama kita mengangkat nilai kebebasan, oleh sebab

itulah ia melarang paksaan dalam agama. Antara yang menjadi warisan kebanggaan kita adalah kata-kata khalifah yang bijak matang, Saidina Umar Al-Khattab ra: "Bila kamu memperhambakan manusia sedangkan mereka dilahirkan oleh ibu mereka dalam keadaan merdeka." Dan ketika diberi ruang kebebasan yang sama untuk kerja dakwah dan selainnya, ia akan didahului oleh kerja dakwah, pertamanya kerana ia berinteraksi dengan orang ramai dengan kebenaran, keduanya dengan apa sedia ada di dalam hati mereka dari warisan ilmu syarak, ini berbeza dengan kerja selainnya yang tidak mempunyai keistimewaan tersebut, mereka itu berinteraksi dengan orang ramai dengan kebatilan pertamanya, dan keduanya dengan apa yang menjauhkan hati orang dan warisan syarak mereka.

13. Hak-hak Manusia dalam Islam

Firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Hujurat: 13.

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذِكْرٍ وَأَنثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ كُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِيمُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَبِيرٌ^{١٣}

14. *Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa - bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya, orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa di antara kamu. Sesungguhnya, Allah Maha mengetahui lagi Maha Mengenal.*

Kita beriman bahawa Islam ialah iklan pertama secara global kepada hak-hak manusia, ia ialah agama yang menganugerah

kepada manusia hak-haknya yang sempurna, di dalam kebebasan beriktiad, kemuliaan manusia, ditambah dengan pendidikan, perkahwinan, keamanan, rezeki, keadilan, pemilikan, dan lain-lain. Islam bertitik-tolak dalam yang demikian itu dengan meninggikan nilai kemanusiaan, maka insan adalah semulia-mulia makhluk Allah Azza wa Jalla, khalifahnya di atas bumi ini, dan semua benda di atas muka bumi ini dicipta untuknya.

14. Persaudaraan Sesama Manusia dalam Islam

Kita beriman bahawa manusia semuanya satu keluarga, persaudaraan sesama manusia yang menghimpunnya, penciptanya adalah Allah Taala, bapanya Adam, ibunya Hawa, daripada tanah diciptakan, kepadanya akan kembali, oleh itu kita mengajak seluruh Muslimin dan selain mereka kepada saling membantu dan berkongsi apa sahaja yang memberi faedah kepada semua, antaranya pastikan damai, menyebarluaskan kebebasan, menegakkan keadilan, melawan jenayah, menyebar ilmu, menjaga kanak-kanak, berkhidmat kepada orang tua, berbuat baik pada jiran, menjaga alam sekitar, menghormati perjanjian dan memorandum. Dan sebesar-besarnya saksi atas kesahihan ideologi ini datangnya dalam khutbah Rasulullah s.a.w di dalam Haji Widak, “Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya Tuhan kamu satu, bapa kamu satu, semua kamu daripada Adam, dan Adam dari tanah, yang paling mulia daripada kamu adalah yang paling bertakwa dalam kalangan kamu, tidak ada kelebihan bagi orang Arab ke atas orang bukan Arab kecuali dengan takwa, apakah aku sudah menyampaikannya? Ya Allah, saksikanlah” (Riwayat Imam Muslim).

15. Dua Kecenderungan yang Saling Melengkapi

Menjadi keperluan bagi para dai di mana sahaja mereka berada untuk mengambil berat soal menjaga tanah air, keamanannya,

pencapaiannya, alam sekitarnya, masa depan generasinya, yang demikian itu kerana hubungan di antara kecenderungan fitrah kepada tanah air dan bangsa, dan kecenderungan untuk memilih agama dan prinsip, adalah hubungan pelengkap dan selari, bukan hubungan yang bercanggah dan bertentangan.



Tema Ketiga

Hubungan Sesama Pendakwah:
Individu dan Kumpulan

16. Saling Menyempurnakan dalam Dakwah

Paksi utama dalam hubungan sesama kumpulan dakwah ialah saling menyempurnakan kelompangan yang ada (at-takamul). Jika hal tersebut tidak dapat dilakukan, mereka perlu mengamalkan sikap berganding bahu dan bantu-membantu (at-ta'awun). Jika ia masih tidak dapat direalisasikan, mereka perlu mewujudkan sikap saling menghormati, berlapang dada dan menerima perbezaan (al-ihtiram dan at-ta'ayush). Namun jika ketiga-tiga langkah ini gagal diwujudkan, maka kebinasaanlah yang akan menimpa dunia dakwah dan aktivisnya.

17. Memperakui Kepakaran Pihak Lain

Para pendakwah perlu merujuk kepada golongan pakar dalam kes-kes dan permasalahan syariah yang berbangkit. Demikian juga mereka perlu merujuk kepada pihak berkemahiran tinggi dalam bidang-bidang kehidupan yang lain. Seorang pendakwah itu mungkin memiliki kemahiran berdakwah dan terkenal dalam kalangan manusia, namun ia bukanlah ahli dalam bidang fatwa. Mungkin seorang pendakwah itu pakar yang hebat dalam bidang fatwa namun ia tidak mempunyai ilmu dalam bidang pengurusan. Demikianlah seterusnya dalam pelbagai bidang dan kepakaran yang lain.

18. Pendakwah dan Peluang Terbaik

Para pendakwah perlu pandai memilih peluang terbaik yang terbit pada lokasi, waktu atau tugas tertentu agar dakwahnya dapat mencetuskan manfaat yang maksimum kepada manusia. Mereka juga boleh meminta pandangan ilmuwan, golongan berpengalaman dan pihak pengkritik dalam isu-isu tertentu agar pendakwah dapat mengelakkan diri daripada membuat keputusan terburu-buru.

Terdapat hadith di mana Rasulullah s.a.w pernah menyebutkan kelebihan tertentu yang ada pada beberapa orang sahabat yang berlainan. Di dalam sahih Muslim, Nabi s.a.w berkata:

“Ambillah (pelajarilah) al-Quran daripada empat orang manusia ini, iaitu Ibnu Ummi `Abd (Abdullah bin Mas`ud), Muaz bin Jabal, Ubai bin Ka`ab dan Salim yang merupakan mawla² kepada Abu Huzaifah.”

Nabi s.a.w pernah berkata tentang Khalid bin al-Walid:

“Sebaik-baik hamba Allah ialah Khalid bin al-Walid. Beliau adalah pedang Allah yang terhunus.” (H.R at-Tirmizi)

Nabi s.a.w juga berkata:

“Orang yang paling tinggi sifat belas kasihannya terhadap umatku ialah Abu Bakar. Orang yang paling tegas dalam urusan agama Allah ialah Umar. Orang yang paling benar sifat malunya ialah Uthman. Orang yang paling berpengetahuan tentang halal dan haram ialah Muaz bin Jabal. Orang yang pakar dalam ilmu Faraid ialah Zaid bin Thabit. Orang yang paling berilmu dalam bidang qira'at ialah Ubai bin Ka`ab. Setiap umat itu ada pemegang amanahnya. Dan pemegang amanah dalam kalangan umat ini ialah Abu Ubaidah bin Al-Jarrah.”
(H.R at-Tirmizi)

Hadith-hadith ini telah menyenaraikan kelebihan beberapa orang sahabat Nabi yang hebat. Namun, dalam kalangan mereka yang hebat ini terdapat individu yang lebih menonjol dan lebih mahir dalam bidang-bidang tertentu berbanding yang lain.

² Mawla bermaksud orang yang telah memerdekakan hamba sahaya. Dalam konteks huraian di atas, Abu Huzaifah pernah memerdekaan Salim daripada perhambaan. Justeru ia digelar mawla kepada Salim – penterjemah.

19. Unsur Persamaan dalam Kalangan Para Pendakwah

Hal ini merupakan perkara yang mustahil untuk melihat semua pendakwah di peringkat individu dan kumpulan mempunyai misi yang seragam serta pendekatan dan keutamaan yang serupa. Sudah tentu terdapat perbezaan antara satu sama lain, sama ada ia kecil atau besar. Jika kita perhatikan dengan lebih mendalam, kita akan dapati mereka mempunyai persamaan dalam beberapa ciri yang umum seperti akidah, ibadah, akhlak dan sikap pergaaulan. Namun, permusuhan yang ketat, kedegilan dan nafsu amarah sering membuatkan manusia kerana skala perbezaan selalu diperbesarkan sementara ciri persamaan dipandang sepi.

Justeru, boleh disimpulkan bahawa kelompok pendakwah memiliki persamaan pada ciri-ciri umum dan sikap. Perkara ini sepatutnya disedari oleh semua pihak serta menjadi sebab untuk mereka mempunyai hubungan yang baik dan memudahkan pembentukan kerjasama. Para pendakwah perlu terus berusaha menyedarkan titik-titik kesamaan ciri sesama mereka dengan penuh kesabaran agar mereka boleh mewujudkan kolaborasi dakwah bersama dengan lebih ramai pendakwah yang lain.

20. Keseragaman Fikiran

Antara punca-punca perpecahan dalam kalangan golongan pendakwah ialah apabila hilangnya rasa kebersamaan di sudut idealisme. Sejak dahulu hingga sekarang, aspek ini sering mencetuskan pertembungan pada matlamat, pendekatan dan keutamaan dalam kalangan kumpulan dakwah. Malah, ia juga menjadi penyebab hubungan tidak mesra, kebencian, dan iri hati.

Oleh hal demikian, isu memahami dan menyedari aspek keseragaman fikiran perlu menjadi isu utama dalam kalangan pendakwah secara am, terutama dalam kalangan pendakwah-pendakwah muda.

Pendekatan yang boleh diambil ialah dengan memperluaskan kefahaman syariah yang bertunjangkan al-Quran dan as-sunnah, prinsip sederhana, kerjasama, toleransi, persaudaraan dan keinsafan terutamanya pada aspek memahami keutamaan (fiqh awlawiyyat), seni berdialog, adab berbeza pandangan serta mengukuhkan kefahaman terhadap kesyumulan Islam dan kesesuaianya di setiap waktu dan tempat.

Hal ini boleh direalisasikan dengan pendedahan bahan-bahan bacaan yang dipilih dengan cermat dan bersesuaian dengan matlamat serta diberikan kepada pendakwah dan golongan belia. Kesesuaian bahan-bahan bacaan tersebut boleh terus dinilai dari semasa ke semasa sejalan dengan silibus pembelajaran di sekolah-sekolah dinilai oleh kementerian pendidikan dan pembelajaran dari semasa ke semasa.

21. Konsep “Jemaah dalam Kalangan Umat Islam”

Kita percaya bahawa mana-mana kumpulan, parti atau gerakan dakwah adalah merupakan sebuah kelompok orang Islam dari kalangan umat Islam teramai. Mereka bukanlah kumpulan tunggal yang mewakili keseluruhan umat Islam. Kualiti yang diambil kira daripada kumpulan-kumpulan tersebut terletak pada kebenaran idealismenya serta pencapaian dan prestasi mereka dalam aspek pelaksanaan dan usaha.

22. Hubungan antara Pihak Kerajaan dan Bukan Kerajaan

Tugas menegakkan ajaran Islam yang rasmi ialah tugas yang digalas oleh pihak kerajaan berasaskan kuasa dan ruang lingkup bidang tugas yang ada. Sementara tugas mengukuhkan agama Islam di peringkat akar umbi dan bawahannya ialah usaha yang dilakukan oleh pihak-pihak yang berkelayakan dalam kalangan bukan kerajaan (NGO).

Dalam sesetengah keadaan dan situasi, terdapat sangkaan buruk, prejudis atau rasa curiga antara pihak kerajaan dan badan bukan kerajaan (NGO) tertentu. Justeru, semua pihak perlu menyedari tentang dua perkara penting ini iaitu:

Pertama, dalam hidup ini tidak ada pihak yang salah secara mutlak atau benar secara mutlak. Bahkan setiap pihak terdedah kepada melakukan kesilapan dan berlaku benar dalam waktu-waktu tertentu.

Kedua, ada ketikanya, berlaku perubahan pada posisi tugasan, di mana tugasan NGO menjadi tugasan pihak berkuasa atau tugasan pihak berkuasa digalas oleh pihak NGO.

Justeru, kedua-dua belah pihak mestilah berusaha gigih, ikhlas dan bersikap bijaksana dalam menyuburkan sikap saling percaya, saling memahami, membentuk kerjasama dan bertoleransi antara dua pihak kerana dakwah ialah tanggungjawab semua. Jika ini dapat direalisasikan, semua pihak akan mendapat manfaat yang besar. Jika sebaliknya, kedua-dua pihak hanya akan menimbulkan pelbagai keserabutan yang mengakibatkan pelbagai bencana.

Cadangan ini tidaklah mudah namun ia juga bukanlah mustahil. Membentuk kolaborasi yang baik antara pihak berkuasa dan badan-badan NGO adalah penting dan ia memerlukan usaha yang gigih dan berterusan.

23. Usaha Melalui Institusi

Kita merasa optimis dengan pendekatan dakwah melalui institusi berkumpulan yang kemas tersusun, yang mementingkan akhlak dan nilai-nilai Islam serta meraikan peraturan dan tahap keberkesanannya. Pendekatan sebegini diyakini dapat mencetuskan kebaikan yang besar kepada umat dan ia lebih berkesan berbanding usaha dakwah dalam bentuk individu. Walaupun begitu, usaha daripada pelbagai

pihak (berkumpulan dan individu) tetap mempunyai nilai positif. Kita juga meyakini bahawa usaha dakwah melalui institusi berkumpulan lebih berkemampuan untuk melakukan penyelidikan, pembetulan, penambahbaikan dan pembaharuan. Ini kerana usaha dalam bentuk individu akan cepat berakhir dan yang kekal bertahan ialah legasi dakwah yang diusahakan secara berkumpulan.

24. Semangat Berpasukan

Kita sangat menggalakkan kewujudan semangat berpasukan dan mengukuhkan konsep “tindakan bersama” dalam kalangan individu pendakwah. Semangat ini boleh dibentuk melalui pengiktirafan terhadap jasa-jasa daripada kelompok terawal dalam organiasasi serta memperkuuh hubungan antara pelbagai generasi. Dengan demikian, kita dapat menggabungkan kebijaksanaan orang lama dengan semangat golongan muda, mendahulukan maslahah umum berbanding maslahah khusus, bersepakat di atas pendekatan syarie dan bertamadun untuk membendung kesulitan dan pertikaian sebelum ia berlaku, mengatasi segala permasalahan yang timbul dengan kaedah yang tepat serta menyuburkan etika keadilan kewangan dan pentadbiran dalam kalangan aktivis.

25. Prinsip Syura

Allah berfirman :

وَأَمْرُهُمْ شُورَىٰ بَيْنَهُمْ ...

“Dan urusan mereka itu dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka...”

(Surah Asy-Syura: 38)

وَشَاؤْهُمْ فِي الْأَمْرِ ...

“Dan bermesyuaratlah dengan mereka dalam sesuatu urusan...”

(Surah Ali Imran: 159)

Atas dasar ini kita mengajak semua pihak mengamalkan prinsip mesyuarat, menggalakkan budaya fikir dan berinovasi, menghormati pandangan-pandangan yang bercanggah atau serasi serta membuka ruang kepada semua pihak untuk berfikir dan memberikan pandangan. Namun di akhir proses, semua pihak perlulah menghormati ketetapan yang diputuskan selagi mana ia tidak menyanggahi prinsip-prinsip umum syarak.

Bagi memastikan sesuatu ketetapan yang diputuskan itu tepat atau sekurang-kurangnya menghampiri kebenaran, ia mestilah diputuskan melalui pakar rujuk yang sah sahaja. Selain itu, maklumat yang berkaitan perlu didedahkan kepada mereka dengan jelas serta proses perbincangan mestilah dilakukan dengan benar, objektif dan telus.

26. Pengagihan Tugas Secara Damai

Para pendakwah perlu memiliki mekanisme yang berhikmah, jelas dan tuntas yang dapat melancarkan pengagihan tugas dan tanggungjawab dalam organisasi dakwah mereka berdasarkan kerelaan, kedamaian dan kasih sayang. Kewujudan etika yang berkesan dapat membendung budaya mementingkan diri, monopoli dan amalan pewarisan jawatan serta mengelakkan sikap berpuak-puak dan perpecahan. Selain itu, ia turut dapat menghapuskan kemalasan dan kebekuan fikiran (jumud), membuka ruang-ruang pembaharuan dan inovasi serta meluaskan ruang komunikasi antara pelbagai generasi. Cara ini juga dapat melatih lebih ramai aktivis

dalam bidang kepimpinan, memperkemaskan semangat berpasukan serta memperkuuh rasa hormat terhadap kerja berkumpulan.

27. Meneladani Tanpa Abaikan Realiti

Rasa hormat dan kasih perlu diwujudkan terhadap kelompok pendakwah dalam kalangan ulama dan *muslih* (reformer), sama ada daripada generasi lalu atau pada zaman sekarang. Kita digalakkan mendoakan kebaikan untuk mereka dan menjadikan mereka sebagai teladan dalam bidang dakwah secara sederhana. Kita tidak perlu menceduk bulat-bulat pengalaman mereka sambil mengabaikan ciri-ciri khusus yang ada pada zaman, tempat dan persekitaran kita. Demikianlah cara kita meneladani usaha dan sikap mereka dalam meraikan sebuah realiti.

28. Menghormati Bukan Mensucikan

Seorang Muslim mestilah mengasihi dan menghormati para pimpinan dalam bidang dakwah, para gurunya, imam-imam di masjid dalam *karyahnya* dan seumpamanya. Sikap ini merupakan fitrah dan tabiat yang normal dan digalakkan. Namun perasaan kasih tersebut tidak patut melebihi hadnya. Sejarah membuktikan, kelompok agamawan dalam agama-agama terdahulu telah menjadi sesat apabila mereka menghormati para nabi dan orang-orang soleh secara melampau. Mereka memberikan kesetiaan (*wala'*) kepada selain Allah hingga akhirnya mereka terjebak dengan kesyirikan.

Hari ini, antara penyakit yang menular dalam kalangan orang Islam kebanyakannya aktivis dakwah ialah mereka mengikat diri dengan tokoh-tokoh yang mereka kagumi secara keterlaluan. Mereka menjadikan tokoh-tokoh tersebut sebagai kayu ukur utama dalam membezakan antara hak dan batil, benar dan salah seakan-akan tokoh tersebut maksum daripada kesilapan. Ini menyenggahi sebuah

kaedah yang berbunyi: "Kita mengikuti insan kerana kebenaran yang dibawa olehnya, bukan mengikuti kebenaran kerana insan tertentu."

Sejak dahulu hingga kini, sifat melampau (ghuluw) masih menjadi salah satu punca perpecahan umat Islam serta tersebarnya perasaan kebencian antara kelompok-kelompok dakwah.

Penyelesaiannya ialah penghormatan dan rasa kasih terhadap tokoh perlulah berlaku secara sederhana. Mereka perlu memandang para tokoh sebagai seorang manusia yang ada ketikanya mereka betul, ada ketikanya mereka tersalah. Kasih sayang, penghormatan dan kesetiaan perlu diberikan berdasarkan tahap kebenaran dan pencapaian yang mereka usahakan. Orang Islam sepatutnya mementingkan kebenaran. Tokoh dan pimpinan hanyalah wasilah untuk kita mencari kebenaran dan mereka tidak kekal selamanya. Yang lebih kekal dan bertahan ialah idealisme perjuangan yang menjadi matlamat utama.

29. Menerima Kewujudan Pihak Lain

Prinsip-prinsip kebenaran agama³ bukanlah milik mutlak kelompok kita, sebaliknya kita hanya menjaga dan mengambil manfaatnya sahaja. Justeru, kita tidak patut merasa kurang senang dengan usaha-usaha pihak lain yang memperjuangkan prinsip yang sama melalui cara dan pendekatan yang berbeza. Sebaliknya, kita perlu merasa gembira kerana usaha kita dan mereka bertemu di medan dakwah. Kita perlu mengasihi dan menghargai usaha mereka, menasihati dan menghulurkan kerjasama berdasarkan kemampuan yang ada. Kita juga boleh menimba kebaikan daripada usaha individu atau kumpulan tertentu walaupun ia sedikit dan mempunyai kekurangan. Jika terdapat kesilapan, kita sepatutnya memberikan keuzuran kepada mereka berdasarkan kaedah masyhur yang disebut

³ Iaitu al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas dan segala usul dalam memahami hukum syarak – penterjemah.

oleh Syaikh Muhammad Rasyid Ridha r.a: “Kita bekerjasama pada perkara yang disepakati dan saling memberi keuzuran pada perkara yang diperbezakan.”

30. Tidak Memonopoli Kebenaran

Dengan tegas dan tuntas kita mengatakan kita tidak boleh memonopoli kebenaran. Malah kita juga mengingatkan pihak lain agar tidak terjebak dengan sikap yang sama. Kita boleh meyakini dengan matlamat dan pendekatan sendiri, namun kita tidak sepatutnya mendakwa ia sudah sempurna. Kita sepatutnya mengalukan dan berterima kasih kepada mereka yang menunjukkan kesalahan dan kekurangan kita, serta menghormati pilihan pihak yang berlainan pada matlamat dan cara.

Apa yang penting ialah kita mengikhaskan niat kerana Allah, mementingkan kebenaran, mempunyai keberanian untuk melakukan pembaharuan dan bersedia untuk memperakui kesalahan sendiri. Demikian juga kita perlu merasa gembira jika sesuatu kebenaran terbit daripada pihak lain.

Selain itu, kita juga perlu berkempen bertukar-tukar kepakaran dan kebolehan dengan pihak lain. Ini merupakan aspek paling penting dalam usaha memperkasa aktivis dan institusi dakwah dengan kepelbagaiannya maklumat serta menyuburkannya melalui budaya saling memberi dan menerima. Dengan cara ini, tidak akan wujud pihak yang kebal daripada nasihat dan teguran, atau pihak yang menganggap kebenaran hanya berada di pihaknya sahaja sementara pihak lain “memonopoli” kesilapan.

Tema Keempat

Peningkatan Kemahiran dan
Pengembangan dalam Kerja
dan Karya Dakwah



31. Penentuan Matlamat dan Objektif

Setiap kerja dakwah tentunya mempunyai matlamat dan tujuan tertentu. Penentuan matlamat adalah suatu perkara yang amat penting. Oleh sebab itu, mereka yang terlibat dalam kerja dakwah perlu menekuni tugas ini dan menentukan apakah jenis matlamat yang mereka ingin raih dengan tepat dan kemas. Di mana mereka perlu menuliskannya dengan jitu dan jelas setiap kata-kata, frasa dan ayat di samping keperluan kepadanya, keupayaan meraihnya. Sesiapa – baik individu maupun kumpulan – yang mencampuradukkan kemanisan angan-angan yang jauh dengan hakikat realiti yang mungkin dapat dicapai maka kemungkinan ia menemui kegagalan lebih besar berbanding kemungkinan ia menemui kejayaan. Malah, bukan mustahil ia mendapat kecelakaan. Kesilapan itu kalau dilakukan oleh seseorang, ia suatu yang nahas, tapi kalau ia dilakukan oleh kumpulan ia mengundang malapetaka yang berganda.

Kritikan yang paling keras ditujukan terhadap kerja-kerja dakwah ialah kebanyakan golongan yang menekuninya mengetahui (apa yang mereka tidak menginginnya). Namun mereka tidak mengetahui hakikat sebenarnya (apa yang mereka mahukan). Apabila kerja-kerja dakwah dipikul oleh orang yang silap dalam menentukan tujuannya, atau betul tujuannya tapi ia suatu yang tidak mungkin dicapai, maka ia membawa mudarat kepada dirinya sendiri; justeru ia mengejar suatu yang ilusi. Niat baiknya sahaja tidak dapat menyelamatkannya. Hal ini kerana niat baik hanya separuh daripada yang diperlukan manakala yang separuh lagi ialah ketepatan dan kejituhan aksi dan amalan.

Para pendukung dan penyebar dakwah yang menekuni kerja pengembangannya perlu benar-benar tahu siapa dan apa yang mereka ingin dan mahukan. Selepas itu, mereka perlu memastikan dengan jitu apa perancangan dan program dakwah mereka. Dengan

itu, mereka akan dikira amanah dan jujur terhadap diri mereka di samping amanah dan jujur terhadap orang yang mereka sahut panggilan dakwah mereka. Kalau ini mereka dapat lakukan maka ia satu kejayaan, namun kalau sebaliknya maka ia adalah suatu yang malang dan tragis.

32. Ke Arah Masa Hadapan

Putaran masa tidak berhenti, malah terus beredar dan berputar dengan izin Allah S.W.T. Hari ini adalah anak semalam. Ia bakal menjadi induk atau bapa masa hadapan. Sebab itu, kerja-kerja dakwah mesti mengambil pelajaran dan iktibar daripada pengalaman masa lampau. Ia perlu menekuni dan menelusuri masa kini dengan betul di samping mempersiapkan diri untuk masa hadapan. Segala keperluan dan persediaan perlu dilengkapkan setakat yang terdaya. Manakala, selebihnya diserahkan kepada Tuhan yang mentakdirkan segala sebab musabab. Hal ini selaras dengan tuntutan iman yang menuntut kita bertawakal dan pasrah kepada Allah.

Oleh itu, mengamati dan bersiap sedia untuk masa hadapan di samping merancang dengan baik untuk menanganinya adalah suatu kemestian dalam kerja-kerja dakwah. Persiapan sedemikian tanda kematangan. Ia pemangkin kepada kejayaan. Kalau ini dilakukan maka pendakwah berkenaan telah berbuat yang baik. Kalau tidak, maka itu bermakna ia telah meminggir dan menggagalkan dirinya. Akhirnya, ia hanya menguriskan berita dan sejarah kegagalan. Ia tampil berdakwah, kemudian gagal dan tinggal sejarah yang akhirnya ia dilupakan orang.

Islam sebenarnya adalah agama masa hadapan. Hal ini dapat dikesan dalam banyak arahan dan suruhan agama. Umpamanya Islam mengajak agar umatnya selalu bermuraqabah dengan Allah, selalu mengingati hari pertemuan dan perhitungan Allah S.W.T. Oleh itu, mereka perlu bersiap untuk menghadapi hari perhitungan; kerana masa hadapan kita sebenarnya adalah di akhirat kelak.

Sebenarnya, semua kita umumnya mengetahui tentang kisah Nabi Allah Yusuf iaitu bagaimana Baginda menyelamatkan Mesir daripada malapetaka kebuluran pada musim kemarau dan gersang yang sangat menyeksa rakyat ketika itu dengan langkah penghematan dan perancangan strategik yang sangat berkesan. Baginda Rasulullah juga menitikberatkan soal persediaan untuk masa hadapan dengan beberapa langkah yang penuh kebijaksanaan. Bukan sahaja tentang perkara-perkara besar, bahkan dalam perkara yang kecil pun Baginda tidak lupa merancang cara menghadapinya. Hal ini ketara dalam perancangan umat Islam silam yang berhijrah ke Habsyah, berhijrah ke Madinah, perjanjian Baginda dengan kaum Yahudi, ketumbukan tentera pejuang yang baginda kirimkan ke beberapa lokasi strategik, malah termasuk peperangan yang baginda pimpin, surat-surat perutusan yang baginda kirimkan; di samping penguasaannya terhadap urusan tempatan dan luar negara pada masa itu. Malah, Baginda tahu bilangan penduduk Madinah dan lain-lain perkara seperti yang dihuraikan dengan terperinci dalam catatan sirah yang lengkap.

33. Pembaharuan dan Kecelikan Basirah

Kita percaya bahawa kerja-kerja dakwah perlukan pembaharuan yang berterusan, namun perlu dijaga perkara-perkara yang “thabat” atau tetap dan asas-asas ajaran agama yang tidak boleh disentuh. Dengan itu, dapat dilaksanakan prinsip menghimpunkan antara legasi dan perkara lama yang bermanfaat dengan perkara atau sesuatu yang baharu tapi sangat berguna. Dengan demikian dapat dihubungkan realiti dengan tuntutan zaman setelah mengenal pasti kedudukannya. Dengan demikian kerja-kerja dakwah kita akan bersifat lestari atau anjal. Ini menjauhkannya daripada sifat dan budaya lama yang menjemukan, lemah, beku dan terpinggir.

Kerja-kerja dakwah Islam perlu ada “muhasabah” dan usaha merujuk dan mengkritik diri sendiri. Ia perlu merujuk prinsip, program yang disusun, slogan, pengurusan organisasi dengan melihat apa yang salah, apa yang lebih benar dan betul, apa yang lemah longlai dan apa yang perlu untuk menambah keberkesanannya, memahami mana yang mungkin dan mana pula yang mustahil. Apakah yang dipanggil angkubah tempatan dan apakah angkubah antara bangsa, lalu menangguh atau menyegerakan, meminda atau membatalkan, menambah atau menghapuskan, meningkatkan atau mengurangkan dan sebagainya. Malah ia harus tidak segan dan malu mengaku dan menerangkan kesilapannya kepada umum agar tidak diulangi oleh orang lain di kemudian hari. Ia wajar menerawang, mengamati kemungkinan positif yang perlu diteroka oleh langkah-langkah masa hadapannya. Kalau ini dilakukan maka terbuktilah ia hidup dan berupaya kekal dan berterusan. Ini adalah suatu petanda yang baik. Kalau tidak kerja-kerja dakwah itu akan mengelungsur, dan membeku, di samping mengalami proses hakisan yang berterusan. Ini petanda malang, buruk dan kegelapan masa hadapan.

34. Boleh Berdikari

Kami menyeru agar kerja-kerja dakwah disokong oleh keupayaan berdikari. Didukung oleh sumber keupayaan sektor khas sedapat yang mungkin. Ini kerana sumber derma orang ramai bukan sumber yang kekal, tidak terjamin dan tidak tetap. Sumber yang paling mampu mendukung kerja-kerja dakwah ini mungkin institusi wakaf yang besar yang sesuai dengan tuntutan keadaan dan keupayaan.

35. Model Contoh

Institusi yang menekuni kerja-kerja dakwah, prinsip-prinsipnya, sukatan manhaj dan perancangannya serta etika dan akhlak

petugasnya mestilah merupakan model ikutan yang tinggi bagi kerja-kerja dakwah yang berjaya. Kalau orang melihatnya mereka akan merasa kagum dengan amalan berkenaan sehingga mendorong mereka meniru dan mengikuti contoh-contoh tersebut.

36. Kerja Dakwah Bukan Martabat yang Diidamkan

Tugas dan kerja dakwah ialah suatu tugas mulia. Ia adalah tugas para nabi dan para rasul.

Memang pada lazimnya, para petugas dakwah dan amal Islami ialah pekerja yang mulia. Oleh sebab itu, mereka mempunyai kedudukan yang istimewa dipandang mulia dan disukai oleh orang ramai.

Apa yang penting, mereka yang bertugas kerana Allah itu mesti bersikap ikhlas, berbuat kerana Allah S.W.T. Mereka tidak memusatkan perhatian mereka dalam menjayakan kerjaya berkenaan sebagai wasilah mencari popular dan martabat di mata orang ramai. Tapi, kalau martabat itu datang tanpa mereka beraria mencarinya, maka mereka perlu bersyukur dan bertahmid memuji Allah S.W.T. Mereka perlu berada pada kemuncak yang setara. Mereka perlu membalaunya dengan rasa sayang dan cinta pada orang ramai, suka berbuat baik untuk mereka, berlapang dada dan bersifat tawaduk menghadapi mereka malah sentiasa ingin berkhidmat dan bersimpati kepada nasib mereka di samping tidak memanjangkan tangan untuk mengambil harta milik mereka.

Mereka mesti menganggap bahawa penghargaan dan penghormatan orang kepada mereka sebagai satu tanggung jawab, bukan sekadar pangkat atau martabat. Ia mesti dilihat sebagai tanggungan bukan sekadar aras kemegahan. Ia harus dianggap sebagai bebanan bukannya kebanggaan.

Wajar juga disebutkan di sini bahawa sikap luhur, merendah diri, tidak pula bermakna zuhud untuk menerima martabat dan penghargaan. Justeru, ini bertentangan dengan matlamat Tuhan yang Maha Mengetahui menjadikan manusia sebagai khalifah yang memakmurkan dunia dan alam ini. Contoh yang paling hampir di sini untuk diikuti ialah Nabi Allah Yusuf a.s di mana apabila baginda menerima pangkat dan martabat yang dianugerahkan kepadanya, baginda telah berjaya memanfaatkan dan menyelamatkan masyarakat dan orang ramai pada ketika itu keluar daripada situasi yang getir menerusi sudut pandangan Baginda yang dalam serta amalan, nilai akhlaknya yang tinggi. Baginda dapat meneruskan pembinaan dan pengukuhan jalinan mahabbah dalam masyarakat ketika itu atas landasan keadilan dan kebaikan.

Mereka yang berkelayakan dan berketerampilan berhak untuk menampil serta mengenengahkan kepakarannya untuk diambil berkhidmat bagi seluruh massa rakyat; bahkan untuk manusia seluruhnya. Manakala ukuran utama dalam hal ini ialah niat atau nawaitunya dalam menentukan diterima atau tidak amalan berkenaan oleh Allah S.W.T. Selaras dengan hadith Baginda Rasulullah yang bermaksud:

"Bahawa sesuatu amalan itu diukur berlandaskan niatnya. Setiap orang mendapat ganjaran pahala perbuatanya berlandaskan niatnya. Siapa berhijrah kerana Allah dan Rasul-Nya maka hijrah berkenaan (berpahala) berlandaskan Allah dan Rasul-Nya. Manakala siapa yang berhijrah kerana habuan dunia yang ingin diraih atau kerana wanita yang ingin dikahwininya maka (nilai hijrah itu) adalah setaraf dengan apa yang diniatkan itu sahaja.

(H.R Bukhari)

37. Mengutamakan yang Lebih Berkelayakan

Dalam kerja-kerja Islam, orang yang diambil menjadi pemimpin mestilah mereka yang layak untuk memikul tugas berat berkenaan. Ini tentunya selepas dilakukan penyaringan, pemeriksaan dan penilaian yang rapi terhadap calon pemimpin berkenaan.

Malangnya banyak wadah amal Islami – walaupun dalam kadar yang berbeda, mengabaikan perkara ini dan tidak menurut penilaian yang sepatutnya. Ada yang dijadikan ketua kerana kepetahan lidahnya berbicara. Ada yang dilantik kerana mempunyai kedudukan sosial yang ternama. Ada pula yang dilantik kerana ia mempunyai kabilah penyokong tempatan yang teramai. Demikianlah seterusnya.

Padahal, kelayakan itu umumnya diukur oleh kriteria khusus yang jelas dan tuntas; iaitu yang paling tinggi ialah kriteria syarak. Kriteria ini diterima umum iaitu “al-Sabiqiah” atau mendahului dalam menerima Islam, sifat takwa, martabat keilmuan yang tinggi, kelayakan dan keupayaan yang ketara. Ketinggian dan kelayakan ini selaras dengan ketinggian martabat kepemimpinan itu sendiri.

38. Keperluan kepada Komitmen yang Tinggi

Setiap kumpulan dan gerakan kerja-kerja Islam mesti menjadi contoh dalam berpegang kepada prinsip yang utama, manraj perancangan dan tatacara perlakuan yang baik. Sama ada pemimpin maupun pengikut, mereka wajar menampilkan kejituan dalam prinsip, sifat ikhlas, jujur dan kesungguhan. Apabila mereka menjadi contoh kepimpinan yang berjaya, mereka akan dihormati, dikagumi serta diikuti. Sekiranya batas yang paling minima pun dalam bidang ini tidak dapat ditampilkkan, maka kepimpinan mereka dikira mundur dan memudaratkan. Oleh itu, lebih sesuai dibubarkan berbanding dikenalkan.

Kerja-kerja Islam yang tidak didukung oleh para petugasnya yang tidak beriltizam dengan akhlak dan etika agama yang menjadi asas penegakan gerakan, mereka adalah merupakan bebanan yang melemaskan diri sendiri. Ia ibarat bom jangka yang akan meledak dan meninggalkan kesan getir dalam masyarakat, di samping menjadi peristiwa dan skandal yang memalukan.

Para petugas dakwah perlu ingat bahawa menunjukkan *role model* atau contoh tauladan kepada sasaran dakwah adalah satu wasilah dakwah yang sangat penting untuk mencapai kejayaan. Ramai para pendakwah Muslim yang telah berjaya menyebarkan Islam dengan pelbagai teknik dan cara. Perkara yang paling utama adalah dengan menunjukkan contoh dan *role model* yang baik dan menarik. Oleh sebab itu, mereka perlu memastikan bahawa mereka menjadi contoh praktis terbaik yang paling menonjol tentang apa yang mereka serukan kepada orang lain agar mengamalkannya.

39. Golongan “Narjis” dan Saat Perpisahan

Dalam cerita kuno Greece terdapat kisah seorang belia yang comel dan segak bernama “Narcus”. Pada suatu hari, ia melalui sebuah laluan air sungai yang jenih dan agak tenang. Oleh sebab jernihnya air sungai tersebut, ia terlihat paparan wajahnya yang indah di situ. Ia begitu terpesona, terpegun dan asyik melihat keindahan wajahnya di dalam air tersebut sehingga akhirnya ia terjatuh dalam sungai yang dalam tersebut dan mati. Kemudian, menurut ceritanya – tumbuhlah di situ sekuntum bunga Narjis. Dari sini terbit istilah Narjis yang membawa maksud orang yang terlalu terpesona dengan dirinya sehingga membawa kepada kemusnahan dirinya sendiri.

Dalam bidang kerja-kerja dakwah Islam pun terdapat orang-orang seperti itu yang perlu kita bersihkan bidang berkenaan daripada orang-orang yang berperangai sedemikian. Meskipun orang berkenaan ada kemahiran dalam bidang-bidang tertentu.

Mereka mungkin tidak buruk secara mutlak kerana terdapat bidang tertentu di mana mereka boleh melaksanakannya dengan baik. Namun, mereka berkhidmat dalam kerja-kerja dakwah selagi mana ia tidak bertembung dengan motif dan kemahuan dirinya. Apabila berlaku pertembungannya, mereka mungkin akan bertukar menjadi musuh yang paling keras. Saat perpisahan itu pasti tiba, justeru mereka ialah hamba nafsu dan terikat dengan runtunan emosi mereka sendiri. Golongan ini bagaikan bom jangka yang menunggu saatnya. Kemasukan mereka dalam kerja-kerja dakwah adalah satu kesilapan besar dan yang lebih besar ialah kesilapan orang yang membawa dan mengizinkan mereka masuk dalam kerja-kerja dakwah Islam itu sendiri.

40. Semangat Positif

Dalam konteks ini, kita mengajak ke arah bersikap positif, bersangka baik, mengandaikan yang baik-baik, sikap memudahkan di samping kita menyeru agar menjauhkan diri daripada sifat negatif, bersangka buruk, bersikap menjauhi berbanding merapatkan diri daripada orang lain dan sifat menyukar dan menyusahkan orang lain.

41. Antara Lingkaran Pengaruh dan Keprihatinan

Setiap Muslim berhadapan dengan dua lingkaran pengaruh dalam hidupnya:

Lingkaran pertama ialah daerah pengaruh. Dalam erti kata lain, apa yang masuk dalam lingkaran keupayaannya. Di sini dia boleh aktif memberikan manfaat kepada dirinya dan kepada orang lain. Dia boleh prihatin untuk merawat kesihatannya, memberi khidmat kepada keluarga, jiran tetangga dan sahabat handai atau memberi khidmat kepada orang sekelilingnya. Dalam lingkaran ini, ia boleh meningkatkan keupayaan dirinya menyelenggara keselamatan keluarganya, memahami akta dan undang-undang yang mengatur

tugas dan kerjanya di samping undang-undang negaranya dan lain-lain.

Lingkaran kedua ialah lingkaran keprihatinan. Dengan lain perkataan ialah dia mengikuti perkembangan keadaan setempat atau perkembangan antarabangsa dalam perkara-perkara yang dirinya tidak mampu mempengaruhi hal tersebut; baik sedikit maupun banyak. Umpamanya kenaikan harga minyak dunia, perubahan iklim atau cuaca, pencemaran alam sekitar atau kebuluran dan sebagainya.

Orang Muslim yang bijak dituntut agar memusatkan perhatiannya semaksima mungkin untuk berinteraksi dengan perkara yang berkaitan dengan lapangan atau daerah yang pertama. Hal ini kerana dalam daerah ini, ia berupaya untuk mempengaruhi perkembangannya. Malah di sinilah terletak tuntutan dan taklif syarie terhadap dirinya.

Sebaliknya, dalam daerah yang kedua ia perlu berinteraksi dalam batas yang paling minima. Cukup sekadar ia mengetahui apa yang berlaku pada zamannya di samping berinteraksi dan berhubung dengan orang lain.

Tapi kalau ia menyibukkan diri dalam lapangan ini dan itu, bermakna ia telah melakukan suatu kesilapan dan bertindak di kawasan larangan. Itu juga bermakna ia mensia-siakan tenaga, masa dan emosinya kepada yang akan membawa kedukaan terhadap dirinya sendiri. Dalam bidang di mana dia menyibukkan diri itu, dia sebenarnya tidak mampu berbuat apa-apa. Akhirnya dia digilis oleh rasa cemas, hampa dan dukacita. Seterusnya, dia mungkin sahaja pergi menyendiri dan meminggirkan diri. Malah dalam bidang yang dia boleh mempengaruhi atau boleh melakukan sesuatu yang berguna pun, akhirnya dia tidak hadir dan tidak terlibat. Akibatnya ia hanya sekadar mengajukan pelbagai dalih untuk membenarkan dirinya atau malah menyalahkan takdir atas apa

ju kegagalan yang dialaminya. Alangkah indahnya kata-kata hikmat para leluhur yang menyebutkan bahawa: “Orang yang berjaya mahir mencipta alternatif penyelesaian dan penciptaan baru, manakala orang yang gagal sering menampilkkan alasan dan dalih kegagalan.”

42. Manusia Tetap Bertanggungjawab

Allah S.W.T berjanji untuk menjaga dan melindungi agama-Nya, tapi dalam masa yang sama – Dia mempunyai kebijaksanaan-Nya yang tertinggi – mewajibkan orang Islam menunai dan memikul tanggungjawab yang mulia ini. Agama ini walaupun ia agama yang nyata benar dan hak, namun ia menyelusuri prestasinya berlandaskan takdir, tetapi juga menurut daya upaya serta usaha gigih manusia. Sebab itu, kita semua maklum bagaimana besarnya pengorbanan para nabi, rasul, para penyokong mereka, para sahabat dan golongan leluhur silam dalam mendukung dan mengembangkan agama ini. Sebab itu, kita semua wajar dan harus mencontohi langkah dan manhaj mereka dalam hal ini.

43. Sebenarnya Mereka akan Dipertanggungjawabkan

Dalam kalangan ramai para pendakwah, tersebar tanggapan yang lumrah bahawa mereka tidak bertanggungjawab terhadap hasil kerja-kerja dakwah mereka; khasnya apabila mereka berhadapan dengan kegagalan. Sebenarnya, hal ini memerlukan adanya suatu kriteria pengukur tertentu untuk menilai kerja-kerja dakwah tersebut. Hal ini kerana kalau dibiarkan begitu sahaja, ia akan membawa kepada bahaya besar kepada reputasi dakwah. Paling ringan ia akan menyebabkan kehilangan faktor muhasabah dan sikap bertanggungjawab terhadap kerja-kerja dakwah. Malah mungkin sahaja sampai ke peringkat menyamakan prestasi pendakwah antara yang mahir dan menepati tuntutan dakwah dengan yang berdakwah secara tidak berdisiplin, semberono dan salah.

Jika para pendakwah ikhlas beramal kerana Allah, mereka akan memastikan ketepatan kejituan dalam kerja-kerja dakwah, di samping mereka akan berhempas pulas untuk mencari pendekatan yang terbaik menurut yang terdaya. Jadi sudah pasti, usaha mereka akan dihargai dan disyukuri oleh Allah jika mereka berjaya.

Sebaliknya jika mereka gagal, mereka akan dianggap telah berusaha sedaya upaya dan dimaafkan atas kegagalan berkenaan.

Ini bermaka jika ketiga-tiga jenis usaha di atas gagal dipenuhi dan mereka pula gagal mencapai tujuan dakwah tersebut, maka mereka tetap bertanggungjawab dan akan dipertanggungjawabkan atas kegagalan usaha dakwah berkenaan.

44. Keperluan Muhasabah

Prinsip muhasabah ialah prinsip teras dan asli dalam Islam. Ia juga merupakan prinsip peradaban yang tinggi. Sebab itu kita harus mementingkan pelaksanaan prinsip ini dan mengamalkannya secara berterusan. Ini boleh dilakukan dengan sikap berterus-terang, terbuka, budaya mengkritik diri, membuat perhatian semula, melakukan penilaian yang berterusan; sehingga dapat dikenal pasti aspek yang positif untuk diulang dan ditokok-tambah di samping dapat mengenal yang negatif untuk dihindari serta melepaskan diri daripada mengamalkannya. Ini justeru tindakan manusia lumrahnya terdedah kepada kemungkinan kesalahan dan kemungkinan menepati kebenaran.



Tema Kelima

Memahami Tabiat Dakwah
(Fiqh al-Dakwah)

45. Memahami Konsep Ijtihad Secara Kolektif

Kita meyakini dengan utuh dan terus percaya bahawa Islam merupakan agama yang sesuai pada setiap zaman dan tempat. Ia juga mampu menghadapi isu-isu baharu. Kita menyarankan para sarjana Islam agar menampilkan idea penyelesaian serta mengalukan sumbangan intelektual dari institusi-institusi yang menjalankan ijтиhad secara kolektif.

Antara institusi tersebut ialah Pusat Penyelidikan Islam Mesir, Pusat Fiqh Islam di bawah Liga Dunia Islam, Pusat Penyelidikan Islam, Khartoum, Majlis Fatwa dan Penyelidikan Eropah, Pusat Fiqh Islam Amerika Selatan dan lain-lain. Penubuhan institusi-institusi ini merupakan suatu langkah yang amat penting. Kita berharap ia dapat digerakkan dengan lebih tersusun agar manfaatnya dapat diperluas. Kita juga berharap institusi berkenaan dapat memaksimumkan kaitan teknikalnya dengan para pakar yang berpengalaman supaya ia dapat meningkatkan kredibiliti dan keberkesanan institusi.

46. Memahami Tabiat Perbezaan Pandangan

Islam menjunjung nilai-nilai kesatuan dan sentiasa menggalakkannya serta memerangi perpecahan. Namun, ia turut memperakui bahawa kepelbagaiannya manusia pasti akan menatihkan perbezaan pandangan yang sememangnya sudah menjadi lumrah dan sunnatullah dalam kehidupan.

Terdapat dua jenis perbezaan iaitu perbezaan yang bermanfaat dan perbezaan yang mencetuskan mudarat.

Perbezaan yang mendatangkan manfaat berlaku dalam bentuk perbezaan pandangan. Ia boleh mengkayakan pengalaman manusia dan selaras dengan fitrah insan seperti mana yang dikehendaki oleh hikmah mereka diciptakan. Allah S.W.T telah menghendaki untuk

menjadikan manusia berbeza dari sudut akal, kefahaman dan cara berfikir sepetimana mereka telah mengalami perbezaan pada kecenderungan, warna kulit, saiz dan bentuk fizikal.

Adapun perbezaan yang memudaratkan, ia merujuk kepada perpecahan hati yang telah ditegah oleh ayat-ayat al-Quran dan hadith-hadith Nabi. Antaranya ialah firman Allah yang bermaksud:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا وَإِذْ كُرُوا نِعْمَةَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَغْدَاءَ فَالَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَافِ حُفْرَةٍ مِّنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِّنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ أَيْتِهِ لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٢﴾

“Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam), dan janganlah kamu bercerai-berai. Dan kenangkan nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu, maka jadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang-orang yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran jahiliah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (dengan nikmat Islam). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.”

(Surah Ali Imran: 103)

Perbezaan yang memberi manfaat ialah perbezaan yang mencetuskan kepelbagaiian (*tanawwu'*). Ia umpama menyalakan beberapa batang lilin. Setiap kali bertambah lilin, maka ia bertambah terang. Ia tidak bersaing untuk memadamkan yang lain. Manakala

perbezaan yang memudaratkan, ia saling berlawanan hingga tercetusnya pertelingkahan dan permusuhan. Masing-masing berusaha melemahkan lawan. Akhirnya, masing-masing semakin lemah dan hilang kekuatan.

Justeru, perlu diingatkan bahawa Islam merupakan zon yang berkecuali, yang tidak akan terkesan dengan unsur pertelingkahan. Islam memiliki prinsip yang tetap, yang memelihara identiti, semangat, mesej untuk umat serta menjaga kesatuan akidah, perlakuan dan perasaan mereka (akidah, ibadah, akhlak dan hukum-hakam yang qat`iy). Ciri-ciri ini menuntut umat agar memahami tabiat perbezaan pandangan (fiqh al-khilaf) dan adab-adabnya serta memperakui hak pihak lain ketika berbeza pandangan selagi mana ia masih dalam kerangka yang dibenarkan oleh syarak, seperti perbezaan tentang teori atau pendekatan yang boleh berubah-ubah disebabkan oleh perubahan realiti waktu dan tempat.

47. Memahami Realiti Mazhab Fiqh

Semua mazhab-mazhab fiqh secara amnya, termasuk empat mazhab yang masyhur, adalah merupakan harta intelektual dan warisan ilmu yang bernilai tinggi. Ia telah digubal oleh para sarjana dan diperhalusi dalam tempoh yang panjang. Ia merupakan institusi yang dibanggakan oleh umat Islam.

Seorang Muslim berhak memilih mana-mana mazhab untuk diikuti. Dia juga perlu mengenal pasti dalil dan hujah mazhab semampunya, namun menghormati pilihan orang lain. Jika perlu kepada perdebatan, dia mestilah berdebat secara beretika dan berobjektif dengan tujuan mencari kebenaran. Dia mestilah bersama dan berlapang dada dengan kebenaran, sama ada ketika kebenaran menyebelahinya atau menyebelahi pihak lain.

Setiap mazhab, mempunyai ruang untuk berlaku “benar dan salah” serta yang “terbaik dan kurang baik”. Hal ini telah diperakui oleh

seluruh sarjana yang pakar, yang memiliki kemahiran tinggi untuk membuat perbandingan, mengenal pasti perbezaan, menentukan pilihan dan mencetuskan pembaharuan.

Sikap taasub mazhab boleh mencetuskan mudarat. Namun, memandang rendah pada mazhab dan memeranginya, sambil mengajak umat Islam meninggalkan mazhab melalui kempen mengambil al-Quran dan sunnah secara langsung adalah lebih besar bahayanya. Berkempen untuk memusnahkan kewujudan mazhab, secara praktikalnya adalah perkara yang tidak mungkin berlaku. Manakala percubaan untuk menghimpunkan ijтиhad dan hukum-hakam fiqh tertentu, atau pandangan yang dipilih oleh ulama-ulama tertentu, secara mereka sedar atau tidak ia merupakan satu proses mencipta mazhab fiqh yang baru. Justeru, (secara tabi`inya) pilihan mereka juga akan terdedah kepada kritikan akademik sepetimana mereka melakukan kritikan kepada pandangan lain.

48. Memahami Maqasid Syariah

Para pendakwah sangat perlu mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap ilmu maqasid serta mendalaminya. Mereka tidak seharusnya hanya berpegang dengan literal teks wahyu semata-mata serta mengabaikan tujuan, rahsia dan hikmah di sebalik nas-nas berkenaan. Ini bukanlah seruan mengajak orang mengabaikan teks wahyu, atau mengelak diri daripada hukum-hakam syarak, tetapi ia kempen memahami roh syariah, mempertimbangkan antara prinsip yang disepakati dan yang diperselisihan, memahami perkara-perkara juzuk/cabang di bawah suluhan prinsip *kulliyat* (umum), mengikut garis panduan tujuan-tujuan umum syarak, melalui kaedah fiqh yang menyebutkan, misalnya “penentuan hukum adalah berdasarkan tujuan dan makna, bukan daripada lafaz dan bentuk zahirnya semata” dan kaedah fiqh lain seperti “setiap urusan ditentukan berdasarkan motif (niat)”.

Hal ini tanpa ragu-ragu menghendaki kita merujuk kepada pakar-pakar dalam pelbagai bidang supaya kita dapat memahami maqasid dengan penuh kesedaran serta mampu merealisasikan tujuan yang benar di sebalik segala penciptaan.

49. Memahami Keutamaan

Kita memperakui kepentingan fiqh *al-awlawiyyat* serta mengajak semua pihak memahaminya. Ini kerana isu-isu berkaitan agama Islam bukan berada di tahap yang sama. Sebagai contoh, isu-isu anutan dan akidah adalah lebih penting daripada isu membuang gangguan di jalanan. Isu-isu dakwah juga demikian. Bukan semuanya setara dan sama penting. Justeru, kita perlu menyedarinya dengan baik dan meletakkan setiap isu di tempatnya yang sesuai. Kita perlu memeriksa susunan kepentingan (*awlawiyyat*) dari semasa ke semasa berdasarkan perubahan yang berlaku. Susunan kepentingan prinsip dalam Islam bersifat tetap, namun pelaksanaannya boleh berubah-ubah disebabkan oleh faktor masa, lokasi dan kecenderungan manusia. Antara ciri yang berkait dengan penentuan *awlawiyyat* ialah kemampuan mempertimbang dan mengenal pasti manfaat-manfaat yang pelbagai, lalu kita mendahulukan agenda yang mencetuskan manfaat yang paling besar.

50. Memahami Akibat dan Implikasi

Para pendakwah perlu menguasai fiqh *al-ma`alat* iaitu memahami akibat atau implikasi yang akan terbit daripada sesuatu keputusan. Pengetahuan ini memerlukan ilmu yang mendalam terhadap sunnatullah (ketetapan-ketetapan Allah dalam kehidupan)⁴ serta kefahaman yang luas terhadap realiti setempat, negeri dan rantau antarabangsa. Ia memerlukan kepada proses observasi yang lama

⁴ Seperti proses sebab dan akibat, ketetapan saintifik dan seumpamanya – penterjemah.

sebelum memutuskan apa sahaja ketetapan. Akibat ke atas mereka dan persekitaran perlu dikenal pasti dan jangkaan yang dibuat mestilah bersifat yakin, tenang dan berdasarkan kemampuan sebenar bukan berdasarkan tidak pasti, gopoh dan tanggapan semata.

51. Memahami Realiti

Para pendakwah perlu memiliki kemampuan untuk memahami serta menguasai realiti dan segala hal-hal yang bersangkutan. Ia juga perlu mengenal pasti jarak antara harapan dan kemampuan yang ada supaya usaha, perancangan dan sasaran sesuai dengan pelaksanaan. Proses ini memerlukan paduan mental dan emosi. Ia akan melibatkan orang ramai dengan isu-isu yang jelas dan terpilih berdasarkan prinsip kepentingan terutama (ad-darurat) dan pelaksanaannya secara bertahap-tahap.

52. Memahami Prinsip Keseimbangan (Wasatiyyah) dan Kesederhanaan (I'tidal)

Islam adalah agama keseimbangan dan kesederhanaan. Ajaran-ajarannya menyimpang jauh daripada dua ciri yang tercela iaitu melampau (ifrat) dan mencuaikan (tafrit).

Allah S.W.T telah memuji umat Islam di dalam firman-Nya yang bermaksud:

وَكَذَلِكَ جَعَلْنَاكُمْ أَمَّةً وَسَطًا لِّتَكُونُوا شَهِيدًا عَلَى النَّاسِ
وَيَكُونَ الرَّسُولُ عَلَيْكُمْ شَهِيدًا ...

"Dan demikianlah Kami jadikan kamu (wahai umat Muhammad) sebuah umat pilihan lagi adil (ummatan wasatan), supaya kamu layak menjadi orang yang memberi keterangan kepada umat manusia (tentang yang

benar dan yang salah) dan Rasulullah pula akan menjadi orang yang menerangkan kebenaran kepada kamu...”

(Surah al-Baqarah: 143)

“Ummatan Wasatan” yang disebutkan di dalam ayat bermaksud umat adil dan umat pilihan. Justeru, kesederhanaan ialah ciri terbaik dalam sesuatu perkara. Tidak melampau dan tiada unsur kecuaian yang dicela oleh syarak.

Unsur cuai dicela oleh syarak kerana ia mengabaikan kepentingan individu dan orang ramai. Sementara melampau pula dicela kerana ia berlawanan dengan fitrah manusia yang tidak mampu menanggung beban berlebihan. Oleh sebab itu, ciri melampau akan memberi akibat buruk kepada seseorang di sepanjang hidupnya. Justeru, Allah menjadikan agama Islam sebagai agama yang seimbang dan sederhana serta menciptakan manusia sesuai dengan ajaran-ajarannya. Hal ini kerana Tuhan lebih mengetahui tabiat, kemampuan, kelemahan dan kekuatan makhluk manusia.

Sebagai contoh, seorang Muslim tidak boleh bersikap zuhud terhadap aktiviti mengimarahkan dunia dan meninggalkan tanggungjawab asasnya hingga ia menjadi beban yang ditanggung oleh orang lain. Demikian juga ia tidak boleh melampau dalam mencari dunia. Sebaliknya, ia perlu menghadapi dunia dengan sikap seimbang dan sederhana.

Ciri-ciri keseimbangan dalam Islam terserlah dalam pelbagai bidang kehidupan kerana ia agama terakhir yang bersifat komprehensif.

Sepertimana ciri keseimbangan wujud dalam urusan kehidupan dan mencari rezeki, ia turut diaplikasikan dalam ibadah, perbelanjaan harta, muamalah dan etika berpakaian. Ia juga wujud dalam perkara yang melibatkan antara individu dan masyarakat,

antara hak dan kewajipan, jasmani dan rohani, intelektual dan spiritual serta pelbagai lagi tanpa melampau atau mencuaikan.

53. Memahami Maslahah (Kebaikan) dan Mafsadah (Kerosakan)

Allah S.W.T telah menghendaki untuk menjadikan kerja-kerja membangunkan Islam (al-amal al-Islami) maju ke hadapan sejak lebih daripada separuh abad yang lalu. Kadar progresifnya telah mengatasi jangkaan ramai pihak dan ia merupakan perkembangan yang begitu menggembirakan. Ini menunjukkan agama Allah semakin berkembang pesat. Namun ia menimbulkan kebimbangan kerana ramai penganutnya tidak memiliki kesedaran syarak, pendidikan akhlak dan kesedaran politik Islam yang mencukupi. Fenomena ini membuka ruang kepada pihak-pihak yang berniat jahat untuk menjebakkan mereka kepada aktiviti sia-sia. Hal ini sudah bermula dan ia terus berlaku. Justeru golongan intelektual daripada kalangan pendakwah perlu memberikan perhatian terhadap kelompok-kelompok ini dalam bentuk aktiviti mendidik dan menyedarkan. Aktiviti ini perlu diberikan perhatian utama berbanding mencari sasaran atau lokasi dakwah yang baru kerana kaedah Usul Fiqh ada menegaskan: "Menolak kerosakan diutamakan berbanding mencari kebaikan."

54. Memahami Ketetapan Tuhan dalam Kehidupan (Sunnatullah)

Sunnatullah merupakan antara bukti keadilan dan ketelitian-Nya kepada para hamba-Nya. Ia merupakan suatu ketetapan yang lurus dan konsisten, tidak sekali-kali berubah disebabkan seseorang individu, kumpulan atau agama. Malahan semua pihak adalah sama di hadapan ketetapan Tuhan. Sesiapa yang bijak mengadaptasinya, ia akan mendapat kejayaan walau siapapun ia. Sementara, sesiapa yang tidak pandai menggunakanannya akan mendapat kegagalan

walau siapapun ia. Ertinya, Allah S.W.T tidak pernah memberikan suatu kejayaan percuma kepada mana-mana individu atau kumpulan Islam hanya semata-mata kerana ia Muslim. Justeru, memilih ikhtiar dan usaha yang betul adalah satu kemestian.

|| 55. Memahami Pendekatan Bertahap-tahap

Kita mengajak semua pihak mengenal pasti tindakan berdasarkan konsep bertahap-tahap bukan mendadak, secara progresif bukan tanpa arah tujuan, berhikmah bukan marah-marah, dengan tenang bukan tergesa-gesa dan usaha yang perlahan tetapi berterusan, bukan usaha yang laju tapi terhenti di pertengahan jalan. Di dalam hadith, Nabi s.a.w bersabda:

إِنَّ الْمُنْتَ لَا أَرْضًا قَطَعَ، وَلَا ظَهَرًا أَبْقَىٰ

“Sesungguhnya si musafir yang terus berjalan tanpa rehat, ia tidak akan sampai ke tempat yang dituju dan ia telah meletihkan haiwan tunggangannya.”⁵

(H.R al-Bazzar dan al-Hakim)

Dalam hadith lain Nabi s.a.w berpesan:

“Sebaik-baik pekerjaan di sisi Allah ialah yang berterusan walaupun sedikit-sedikit.”

(H.R al-Bukhari)

Demikian juga Nabi s.a.w bersabda:

“Manusia yang terlalu terperinci dalam beragama akan tewas dan keletihan.”

(H.R al-Bukhari)

⁵ Hadith ini mentamsikkan orang yang melakukan suatu kerja tanpa rehat kerana mahu hasil yang cepat seumpama seorang musafir berjalan tanpa berhenti dan merehatkan diri dan untanya, kononnya mahu segera sampai ke destinasi. Namun akibatnya, ia dan untanya mengalami keletihan dan jatuh sakit sehingga menyebabkan perjalanan terhenti di tengah jalan dalam tempoh yang lama. Makna tersebut hadith ini mirip dengan pepatah Melayu “biar lambat, asal selamat” – penterjemah.

Kita juga mengambil iktibar daripada sebuah kata-kata hikmah yang berbunyi: “Sesungguhnya faktor masa adalah sebahagian dari proses perawatan.”

56. Memahami Kaedah Berperingkat-peringkat

Kita mempercayai kaedah berperingkat-peringkat iaitu sebuah pendekatan membahagikan langkah kepada beberapa peringkat dan tahap sebelum mencapai sasaran paling utama. Ia dilakukan dengan menjayakan tahap pertama sebelum memulakan langkah kedua. Kemudian, perancangan kedua dimulakan setelah tahap pertama diselesaikan. Demikianlah langkah-langkah seterusnya.

Setiap sasaran diusahakan berdasarkan kemampuan dan situasi. Ada ketikanya berdiam diri dalam situasi di luar kemampuan adalah lebih elok walaupun berada di pihak yang benar. Malah, ada ketikanya diam itu menjadi wajib. Namun, dalam dua situasi tersebut (mampu dan tidak mampu), pendakwah tidak boleh menolak kebenaran dan kebaikan secara terang-terangan.

57. Memahami Kaedah Membuat Lantikan

Mengajak orang kepada ajaran Islam adalah satu kewajipan ke atas setiap individu Muslim, bukan pelajar dalam bidang agama sahaja, walaupun kebanyakan tugas ini lebih banyak dilakukan oleh mereka.

Perlu diingati bahawa Islam ialah agama untuk semua jenis manusia. Ia merangkumi si pengecut, berani, kedekut, pemurah, yang bodoh, yang pandai dan sebagainya. Namun, disebabkan tugasan dakwah adalah berat, penting dan mempunyai risiko tersendiri, ia perlu dilaksanakan oleh individu atau pihak yang berkredibiliti tinggi, yang memiliki harga diri, kemuliaan, keberanian, kesabaran, keazaman, berpotensi, bersifat adil dan tidak mementingkan diri. Justeru, keutamaan perlu diberikan kepada individu yang memiliki ciri-ciri tersebut. Mereka ini umpama perhiasan yang menenangkan

di waktu senang dan persediaan yang membantu di waktu susah⁶. Dan dakwah boleh tertegak melalui individu seumpama ini.

Namun, ia bukan bererti mereka tiada kesilapan atau kekurangan. Setiap manusia tetap mempunyai ruang untuk tersilap dan tersalah. Individu yang mempunyai potensi dan ciri-ciri baik bermaksud, jika mereka tersalah, mereka kembali ke jalan yang benar. Mereka juga mendahuluikan kepentingan awam daripada kepentingan khusus, lebih menilai hakikat berbanding rupa luaran. Mereka amat komited dengan prinsip walau apa jua risiko melanda, sehingga mereka menemui Allah S.W.T.

Semakin ramai individu atau pihak yang berkualiti terlibat dalam usaha-usaha dakwah, semakin cerah juga peluang dakwah untuk berjaya. Jika pihak yang berkualiti kurang melibatkan diri, lambatlah juga sesebuah dakwah akan membawa hasil.

Rasulullah s.a.w di saat usaha dakwahnya tersekat-sekat di Makkah, Baginda berdoa kepada Allah S.W.T agar menguatkan Islam dengan salah seorang daripada dua Umar kerana Baginda mengetahui kedua-dua lelaki tersebut memiliki potensi yang hebat. Dengan doa tersebut, Nabi berjaya mendapatkan sahabat yang bijaksana iaitu Umar bin Al-Khattab. Beliau setelah itu merupakan individu yang banyak menabur jasa dalam menegakkan Islam.

Oleh yang demikian, gerakan dakwah perlu mencari individu yang berpotensi tinggi dan berkualiti, sambil peluang perlu juga dibuka kepada semua orang. Nabi s.a.w pernah bersabda:

“Manusia itu berasal daripada pelbagai asal-usul, umpama logam emas dan perak. Mereka yang mulia ketika jahiliyah, akan terus menjadi mulia di dalam Islam jika mereka mempunyai kefahaman (ilmu).”

(H.R Muslim)

⁶ Ertinya, boleh dimanfaatkan ketika susah dan senang – penterjemah.

58. Memahami Cara Menguruskan Fitnah dan Provokasi

Dari semasa ke semasa, umat Islam menghadapi pelbagai bentuk provoksi, serangan dan tribulasi seperti penghinaan kepada Allah dan Rasul-Nya, gangguan ke atas kelompok umat Islam, penghinaan ke atas simbol-simbol suci agama Islam, prinsip-prinsip agama dan pelbagai lagi.

Ada pelbagai motif di sebalik serangan dan provokasi berkenaan, antaranya kerana kebencian, permusuhan, kejahilan, mencari populariti atau mungkin bertujuan untuk meletihkan golongan pendakwah serta memalingkan mereka daripada agenda yang sepatutnya diberi keutamaan oleh mereka.

Kelompok pendakwah perlu berupaya mengenal pasti bentuk provokasi yang melanda serta menguruskannya berdasarkan motif, kepentingan dan impak baik buruknya. Ada provokasi yang perlu dibalas dengan diam, ada yang perlu dibalas dengan pendedahan tanpa menamakan pelaku, ada keadaan yang perlu kepada penjelasan dan pendedahan nama. Ketika menghadapi provokasi, pendakwah perlulah bijak, cermat dan tidak berlebihan. Oleh kerana jika dia berlebihan, dia mungkin akan meletihkan diri sendiri serta terperangkap dengan jerat musuh yang memang muah menantikan dan membuang masa pendakwah. Ini tentu akan menggembirakan pihak musuh. Mereka akan terus menimbulkan lagi provokasi baharu supaya perancangan mereka sentiasa berjaya seperti yang dirancang.



Tema Keenam

Isu-isu Kaedah dan Metodologi

59. Agama Islam dan Usaha Membangunkan Dakwah

Perlu dibezakan antara agama Islam dan usaha dakwah. Islam ialah agama Allah yang benar, yang kekal dan tidak akan dihinggapi oleh sebarang kebatilan dari dulu sampai bila-bila. Sementara usaha dakwah ialah pekerjaan manusia yang boleh dinilai sebagai tepat dan tersasar.

Agama Allah adalah suci. Namun usaha menaikkan agama Allah tidak semestinya suci. Kesucian agama Islam tidak menjadikan usaha-usaha membangunkannya secara langsung atau automatik menjadi suci serta memberikankannya nilai “maksum”. Demikian juga kesilapan yang berlaku di dalam proses menegakkan Islam tidak menyebabkan kemuliaan agama Islam menjadi berkurangan.

60. Pendekatan yang Terbaik

Pendekatan terbaik dalam berdakwah ialah memperkenalkan terlebih dahulu hakikat dan kerangka agama Islam secara terperinci, jelas dan menyeluruh. Cara tersebut akan membuka kefahaman dan emosi sasaran dakwah serta lebih memberi kesan kepada mereka. Pendakwah tidak sepatutnya memulakan penerangan dakwah berkaitan keraguan-keraguan yang ditimbulkan kepada agama Islam serta jawapan balas terhadapnya, atau mendedahkan pro dan kontra sesuatu kumpulan, aliran pemikiran dan pandangan-pandangannya. Jika situasi memerlukan kepada pendedahan tajuk-tajuk berkenaan, pendakwah boleh menjelaskannya secara ringkas, tanpa mengabaikan penjelasan tentang kerangka asas agama Islam.

61. Dakwah yang Bersifat Umum

Dalam lapangan dakwah, pendakwah perlu menjelaskan kepada masyarakat tentang realiti dan fakta agama yang bersifat asas (common sense), serta menjauhi perkara-perkara yang

diperdebatkan oleh para sarjana Islam, riwayat-riwayat yang ganjil (syaz), tafsiran-tafsiran yang janggal, isu-isu cabang dan permasalahan yang diasaskan atas jangkaan dan persepsi (iftiradhi).

Isu-isu berat tersebut boleh dibahaskan oleh ahli-ahlinya di “tempat” yang sesuai menerusi disiplin ilmu yang terperinci. Sementara orang awam yang baru belajar, mereka sepatutnya didedahkan dengan pengetahuan yang bersifat praktikal dan bermanfaat untuk mereka.

62. Prinsip al-Quran sebagai Rujukan Utama

Prinsip al-Quran ialah rujukan utama dan tertinggi untuk masyarakat Islam. Ia mestilah menjadi asas tertinggi yang tidak boleh diusik sama sekali. Pun begitu, masyarakat Islam masih berhak mengadaptasi idea bermanfaat daripada orang bukan Islam, dengan syarat ia disahkan terlebih dahulu oleh golongan ilmuwan tertentu dan dipercayai. Pengesahan syarak (melalui penyelidikan ilmiah) perlu diutamakan kerana ia prinsip asal, sementara bimbingan pengawal seliaan adalah perkara cabang. Justeru, proses pengawal seliaan adalah sekadar wasilah yang memudahkan proses syariah yang merupakan matlamat paling utama.

63. Mulakan daripada Langkah Terakhir Generasi Sebelumnya

Kita perlu memulakan proses membina bertitik-tolak daripada pengalaman-pengalaman lalu. Sesuatu organisasi, kelompok, sekolah atau pendakwah tentunya bermula dengan “kosong” dan mereka bukanlah pihak pertama yang terlibat dengan usaha khidmat kepada agama Allah. Dan mereka juga bukanlah kelompok terakhir yang terlibat dalam menjayakan usaha-usaha murni ini.

64. Penulisan yang Jelas

Penulisan para pendakwah mestilah jelas, cermat, dan konsisten yang membawa satu maksud dan terbit daripada jiwa seorang penulis kepada para pembacanya. Mesejnya mestilah dapat difahami secara seragam oleh pelbagai individu. Keseragaman ini akan mendatangkan dua kebaikan. Pertama, ia boleh menyatukan kefahaman para pendakwah lain dari sudut pemikiran dan praktikal. Kedua, ia boleh menghapuskan kekeliruan dalam kalangan kelompok pendakwah, terutama mereka yang baru melibatkan diri. Penulisan yang jelas juga dapat menyekat tafsiran atau justifikasi yang menyimpang, yang akan menimbulkan kecelaruan atau ijтиhad yang saling bercanggah, melampau atau terlalu longgar yang boleh menyebabkan fitnah dan perpecahan.

65. Pemilihan Istilah yang Cermat

Pendakwah mesti berusaha mewujudkan istilah-istilah khusus berkaitan dakwah yang berasaskan konsep-konsep di dalam al-Quran. Istilah-istilah tersebut perlulah tepat, jelas dan bebas. Ia perlu ditentukan dengan berhati-hati dan bijaksana serta tidak terikut-ikut dengan aliran pemikiran yang pernah dan sedang mendominasi massa. Sebagai contoh, kita tidak perlu mengaitkan Islam dengan idea sosialisme, kapitalisme atau demokrasi atau apa sahaja gelombang pemikiran lain yang telah terbukti gagal di lapangan masing-masing.

Islam perlu kekal sebagai Islam dengan segala nilai, ketetapan, asas-asas dan kesan jangka panjangnya. Wujudnya persamaan prinsip Islam dengan mana-mana aliran lain adalah kerana ajaran Islam itu sendiri bersifat merangkum dan menyeluruh. Persamaan ini tidak bermakna ajaran Islam mempunyai kaitan dengan aliran berkenaan. Hal ini kerana agama Islam adalah induk dan asal, sementara yang lain adalah ranting dan cabang. Selain itu,

prinsip Islam bersifat tetap sedangkan aliran lain boleh berubah-ubah. Islam adalah sebuah kebenaran yang mutlak sedangkan prinsip lain mempunyai tahap ketepatan dan kebenaran yang berbeza-beza.

Para pendakwah diingatkan agar berhati-hati dengan istilah-istilah yang popular dari semasa ke semasa. Zahirnya ia kelihatan bagus, namun hakikatnya ia tidaklah begitu. Sesetengah pendakwah mungkin terpengaruh dengan istilah-istilah berkenaan disebabkan tidak tahu atau disebabkan terpengaruh dengan pihak lain.

66. Sentiasa Menyedari Kewujudan Ancaman

Umat Islam adalah kelompok yang sentiasa menjadi sasaran sejak sekian lama hanya kerana mereka membawa mesej dan dakwah kepada Tuhan yang benar. Pihak musuh sentiasa mengancam umat Islam dengan pelbagai risiko kerana kebanyakan mereka membenci kebenaran. Oleh yang demikian, kita perlu menyedarkan para pendakwah akan kewujudan ancaman tersebut, agar ia menjadi sebab untuk kita sentiasa “bersama” dan mengelak pertelingkahan. Realitinya, umat Islam sentiasa terdedah kepada ancaman. Dan mengabaikan realiti ini hanya akan membesaraskan skala ancaman.

Ancaman pula terbahagi kepada dua jenis iaitu ancaman luaran yang datang daripada pihak musuh dan ancaman dalaman yang terbit daripada kalangan pendakwah. Namun ironinya, sejarah telah melaporkan bahawa ancaman dalaman sering mendatangkan bahaya yang lebih besar dan lebih membimbangkan berbanding ancaman luaran.

67. Keikhlasan Mesti Seiring dengan Ketepatan

Motif yang ikhlas sentiasa dititikberatkan oleh Islam kerana ia merupakan roh kepada amalan dan syarat penerimaan di sisi Allah S.W.T. Amalan yang ketiadaan ikhlas adalah sia-sia tanpa ragu. Namun, ikhlas semata-mata tidak memadai kerana sesetengah amalan sudahpun ikhlas namun caranya tidak betul.

Justeru, niat ikhlas dalam usaha-usaha dakwah perlu diiringi dengan cara yang betul kerana kedua-dua ciri tersebut adalah penentu kejayaan.

Atas dasar tersebut, para pendakwah perlu mengenal pasti cara yang betul serta mengajak pendakwah lain membetulkan pendekatan seiring dengan kempen memelihara niat yang ikhlas. Hal ini adalah disebabkan oleh dua faktor. Pertama, cara yang betul adalah kembar kepada kejayaan. Ia adalah syarat utama untuk berjaya dan ia sebahagian daripadanya. Kedua, kebanyakan aktivis di lapangan dakwah sentiasa bersangka baik kepada semua pihak. Ini menyebabkan mereka mudah terjerat dengan konspirasi, helah dan perancangan jahat musuh⁷.

Ada ketikanya, golongan pendakwah menghabiskan tenaga mereka pada perkara yang kurang penting sedangkan terdapat perkara yang lebih penting untuk mereka lakukan. Atau, mereka menghabiskan tenaga pada isu yang tiada keperluan terhadapnya. Atau mereka melakukan usaha dan pengorbanan di tempat yang salah. Akibat tersalah langkah, mereka mungkin menjadi korban pertama dalam proses perubahan kerana perubahan baru tersebut mencetuskan keadaan yang lebih buruk berbanding keadaan sebelumnya.

|| 68. Semangat yang Terkawal

Semangat adalah perkara yang baik dan positif kerana ia dapat membakar keazaman, meningkatkan keberkesanan, mewujudkan tindakan dan usaha yang segera, membangkitkan semangat persaingan, tidak mementingkan diri, berinovasi dan sikap-sikap

⁷ Ertinya, selain mempunyai niat yang ikhlas, para pendakwah juga perlu berwaspada dalam menghadapi tipu helah musuh, tidak mudah percaya dan terlalu bersangka baik sentiasa hingga mereka mudah memasuki jerat yang dirancang – penterjemah.

positif lain yang dapat melonjakkan usaha dakwah maju ke hadapan. Setinggi mana semangat itu wujud, maka sekuat itu jugalah usaha gigih dapat dilaksanakan. Demikian juga semangat yang kendur akan menyebabkan banyak kerja terbantut.

Pendakwah ialah kelompok yang sering menyemarakkan semangat sesama mereka dan ia merupakan usaha yang terpuji. Namun, usaha ini perlu meraikan dua perkara utama:

Pertama, semangat yang membara mestilah dikawal dengan baik. Ia umpama ubat yang diberikan seorang doktor kepada pesakit. Ubat tersebut telah ditetapkan kadar pengambilannya. Ia tidak boleh dimakan berlebihan atau berkurangan dari dosnya. Demikian juga semangat yang berlebihan terutamanya dalam kalangan pendakwah muda. Ia akan melahirkan sikap dan reaksi melampau serta boleh menatijahkan pendekatan yang menyimpang.

Kedua, pendakwah yang bijak perlu menyediakan ruang beraktiviti untuk aktitivis yang “bersemangat”, agar mereka dapat menyalurkan manfaat dan memberikan sumbangan yang termampu di sana. Ini dapat mengelakkan mereka daripada merasa bersalah disebabkan ketiadaan peluang. Mereka akan berpuas hati dengan ruang yang diberikan di samping orang lain turut mendapat manfaat dan gembira dengan jasa-jasa yang disumbangkan oleh mereka.

69. Keberanian untuk “Mara ke Hadapan”

Keberanian adalah sifat mulia yang perlu ada pada golongan pendakwah kerana ia modal utama dalam menyampaikan kebaikan. Sifat berani dalam dakwah boleh menjadi sebab tercapainya kejayaan. Sebaliknya, dakwah tanpa keberanian menyebabkan hasilnya terbantut dan gagal. Namun, keberanian mestilah dipakejkan dengan sikap berfikir panjang, tenang dan menilai sesuatu isu dengan teliti, agar keberanian yang terzahir turut mendatangkan hikmah kebijaksanaan. Jika tidak, ia hanya akan menatijahkan huru-hara.

70. Keberanian untuk “Berundur”

Langkah maju ke hadapan dengan cara yang wajar adalah satu kewajipan. Demikian juga langkah berundur ke belakang. Keputusan untuk maju dan mundur perlu dibuat berdasarkan rujukan yang tepat. Kedua-dua situasi tersebut ialah langkah terpuji. Malah, keberanian untuk mundur adalah lebih mencabar berbanding keberanian melangkah ke hadapan. Hal ini kerana manusia sering menyokong dan memuliakan pendakwah yang berani maju “ke hadapan” serta merasa kurang senang dengan pendakwah yang mundur “ke belakang”. Mereka mungkin mencaci dan melemparkan pelbagai tuduhan. Namun pandangan jauhnya menyebabkan ia tidak mempedulikan kemahuan orang ramai yang berunsurkan semangat dan emosi tidak matang.

Khalid bin al-Walid r.a adalah seorang sahabat Nabi yang bijak. Beliau telah memilih langkah berani untuk berundur ke belakang dalam peperangan Mu'tah setelah ia mendapati langkah ke hadapan akan menyebabkan kebinasaan. Ia berundur dan pulang ke Madinah walaupun dia seorang pejuang yang berani dan berpengalaman. Para tenteranya telah menganggap diri mereka sebagai “farrar” iaitu orang yang mlarikan diri dari medan perang. Namun, Rasulullah s.a.w telah memuji langkah beliau dan menyifatkan mereka sebagai “karrar” iaitu orang yang akan menyerang kembali.

Keberanian untuk berundur adalah langkah yang tepat dalam situasi tersebut dan Khalid telah melakukannya. Manakala keberanian untuk mara adalah langkah yang salah. Justeru, Khalid mengelakkannya.

71. Membina Ketenangan

Kita mengajak para pendakwah melakukan perubahan daripada bersikap terlalu sensitif kepada berhikmah, daripada sikap mudah marah kepada bertenang dan daripada sikap tidak mengendahkan

urusan hidup kepada membina kemahiran untuk memahami realiti kehidupan, memperbaiki dan mencorakkan pembinaannya.

72. Menilai Sesuatu pada Hakikatnya, Bukan pada Namanya

Jika terdapat keperluan untuk mengubah sesuatu nama atau istilah, para pendakwah boleh melakukan sedemikian selagi istilah gantian tidak merosakkan hakikat asal perkara berkenaan.

Pada era pembukaan Islam yang terawal, kabilah Tughlub yang menganut agama Kristian telah bersetuju untuk duduk di bawah pemerintahan Islam, namun mereka tidak gemar membayar “jizyah”. Sebaliknya mereka mahu membayarnya atas nama “sedekah”. Hal ini kerana mereka mendapati istilah jizyah mempunyai unsur kehinaan. Maka Khalifah Umar bin al-Khattab mengeluarkan arahan agar diterima permintaan tersebut memandangkan para sahabat yang lain tidak berkenan dengan istilah yang dicadangkan. Keputusan itu merupakan antara rekod kebijaksanaan Umar dalam pemerintahan.

73. Masyarakat Kita adalah Muslim, Namun...

Masyarakat kita ialah masyarakat yang Muslim, bukan masyarakat jahiliah. Walaupun terdapat kekurangan, salah laku, perlakuan bidaah atau kesesatan, kita tetap tidak boleh melabelkan mereka sebagai masyarakat jahiliah. Sebenarnya, kita masih boleh menggunakan istilah tersebut dalam situasi kes dan tingkah laku yang bersifat khusus, bukan secara pukul rata. Ini kerana unsur jahiliah tersebut adalah bersifat juzuk, bukan menyeluruh.

Rasulullah s.a.w pernah menyifatkan Abu Zarr Al-Ghiffari r.a sebagai orang yang mempunyai sikap jahiliah ketika beliau menghina Bilal bin Rabah r.a. Ia telah memanggil Bilal sebagai “anak hitam”. Baginda Rasul dengan akhlak dan kehalusan budinya

tidaklah memanggil Abu Zarr sebagai “orang jahiliah”. Sebaliknya, Nabi memilih perkataan yang menggambarkan Abu Zarr masih mempunyai saki-baki sifat jahiliah. Abu Zarr segera memahami teguran Nabi, lalu melakukan perubahan serta meminta maaf daripada Bilal. Hal ini menunjukkan saki-baki unsur jahiliah dalam diri seseorang tidak mengeluarkannya daripada agama Islam.

Inilah juga realiti masyarakat kita pada hari ini. Pada mereka masih terdapat ciri-ciri jahiliah pada kadar yang berbeza pada tahap dan jenisnya, dari satu masa ke masa yang lain dan dari satu lokasi ke lokasi yang lain. Namun, mereka tetap merupakan umat Islam. Para pendakwah perlu terus memberi nasihat dan berusaha melakukan perubahan. Mereka perlu menjelaskan bahawa Islam seseorang tidak sempurna melainkan dengan memenuhi ciri-ciri Islam yang dikehendaki oleh Allah S.W.T.

74. Saudara Baru yang Melakukan Hijrah

Antara tabiat orang Islam ialah merasa gembira dengan individu yang mendapat petunjuk dan memeluk agama Islam. Namun, perasaan gembira ini terkadang timbul secara berlebihan, lalu kita terjebak dengan kesilapan yang sepatutnya kita boleh elakkan.

Demi kebaikan diri, kita dan golongan saudara baru, perlu mengelak daripada kesilapan, kita perlu memantau motif, pemikiran, tahap istiqamah dan budi pekertinya. Kemudian, kita membimbingnya untuk memahami agama Islam dengan baik dari sudut niat, kefahaman dan perlakuan. Dengan demikian, ia akan menjalani suasana baru secara normal.

Jika kita terlalu “memanjakan” orang yang baru berhijrah dari sudut kebendaan atau perasaan, lama kelamaan mereka mungkin akan menjadi penagih bantuan orang ramai. Mungkin juga mereka akan terpedaya dan merasakan dirinya seakan ilmuwan, hingga mereka terlupa untuk mempelajari ilmu.

75. Kejayaan dan Kegagalan Silam

Dalam lipatan sejarah Islam, banyak dilaporkan pencapaian hebat yang membanggakan kita. Pencapaian-pencapaian ini boleh menjadi pencetus semangat untuk umat Islam berusaha menyamai atau meneladaninya pada masa hadapan. Namun, ia juga boleh mencetuskan kemudaratan dan kelemahan umat Islam jika mereka sekadar berbangga dengan legasi dan pencapaian silam. Unsur negatif juga boleh berlaku daripada sejarah kejatuhan dan kelemahan umat Islam. Kesilapan-kesilapan bersejarah ini hanya akan mencetuskan natijah positif jika kita mengambil pengajaran darinya dan mengatur langkah-langkah yang membina pada masa hadapan. Namun, ia boleh mencetuskan sikap negatif andainya umat Islam hanya sekadar menangisi kegagalan, saling menuding jari atau bersikap menyalahkan diri sendiri.

76. Pendirian Terhadap Peristiwa Huru-hara Akhir Zaman

Islam ialah agama yang terpelihara dan akan diberi kemenangan dengan izin Allah. Masa hadapan akan menjadi milik Islam walaupun ia dibenci oleh musuh-musuhnya. Hal ini telah diterangkan oleh ayat-ayat al-Quran, nas-nas hadith, bukti-bukti realiti dan isyarat tertentu pada masa hadapan.

Para pendakwah perlu meyakini perkara-perkara ini dengan baik kerana ia ialah kebenaran yang paling asas. Keyakinan-keyakinan ini juga boleh melonjakkan semangat untuk mengatur usaha dan langkah merealisasikan kejayaannya.

Apa yang perlu disedari ialah hadith-hadith berkaitan peperangan dan huru-hara pada akhir zaman (al-fitān wa al-malahim) kebanyakannya berstatus lemah. Hadith-hadith sahih yang menggambarkan keadaan umat ini akan melalui saat daripada teruk

kepada lebih teruk mempunyai konteks waktu, lokasi dan individu yang tertentu, dan petunjuknya bukanlah bersifat pasti (yaqin). Justeru, membuat kesimpulan secara rambang adalah kesilapan yang besar kerana ia bercanggah dengan nas-nas syarak yang kuat dan jelas yang menjanjikan kemenangan kepada umat Islam. Ia juga berlawanan dengan sunnatullah di alam ini serta bersalahan dengan realiti sejarah silam dan moden. Ia juga menafikan keadilan Allah kerana mustahil Allah mewajibkan orang Islam berusaha untuk mencapai kejayaan serta menjanjikan kemenangan namun umat Islam terus digambarkan akan terus tewas dan dihina. Justeru, apabila kita memahami peristiwa-peristiwa akhir zaman yang bersifat khusus dalam kerangka yang umum, menilai dalil yang *zanni*⁸ di bawah suluhan dalil *qat'iy* (pasti), kita akan dapat memposisikan hadith-hadith berkaitan *al-fitan* dalam lingkungan tafsiran yang tepat, serta tetap merasa optimis bahawa Islam adalah agama yang diberi kemenangan oleh Allah S.W.T.

77. Masa Hadapan adalah Milik Islam

Islam ialah agama yang diberi kemenangan kerana ia risalah Tuhan yang terakhir untuk umat manusia. Tuhan telah berjanji untuk memenangkannya ke atas agama-agama lain.

Benar, umat Islam masih melalui saat-saat kelemahan dari semasa ke semasa. Namun, dengan berpandukan akidah, keluasan bumi, lokasi strategik, sumber kekayaan yang melimpah dan pelbagai serta pertambahan bilangan orang Islam yang berterusan, kelemahan ini boleh diatasi dan umat Islam akan mendapatkan kembali ketuanannya. Sejarah silam adalah sebaik-baik bukti kepada

⁸ *Zanni* (ظنّي) bererti suatu jangkaan yang dominan pada sangkaan manusia, namun ia belum mencapai tahap *qat'iy* (قطعّي) yang bersifat yakin 100%.

kesimpulan ini. Ujian dan musibah ini, jika ia menimpa umat lain, tentu sudah lama mereka lenyap daripada kehidupan.

Justeru, para pendakwah perlu sentiasa optimis dengan kefahaman ini kerana ia boleh menangkis putus asa, membangkitkan harapan dan menguatkan semangat untuk berusaha. Perasaan optimis dan semangat untuk berjaya ini perlulah seiring dengan usaha yang wajar, kerana Allah S.W.T mempunyai sebuah ketetapan yang tidak akan berubah iaitu kemenangan dan kejayaan tidak akan diberikan secara percuma kepada orang yang berpeluk tubuh.



Tema Ketujuh

Matlamat dan Perantaraan

78. Matlamat dan Perantaraan

Matlamat utama dalam agama adalah bersifat tetap, sementara matlamat cabangnya mempunyai ciri bertahap-tahap. Adapun perantaraan, ia bersifat fleksibel, boleh diperbaharui dan dikembangkan. Ia sentiasa menerima pengubahsuaihan, kepelbagaiannya dan peningkatan. Ia juga boleh diceduk daripada pengalaman umat Islam dan bukan Islam kerana hikmah dan kebijaksanaan adalah umpama barang kecinciran untuk umat Islam. Setiap wasilah dan perantaraan dalam kerja dakwah boleh diadaptasi dengan dua syarat. Pertama, terdapat keperluan yang sebenar untuk melaksanakannya. Kedua, manfaatnya lebih banyak daripada keburukan. Pendakwah perlu memastikan matlamat kekal sebagai matlamat dan perantaraan kekal sebagai perantaraan. Risiko dan bahaya akan muncul jika matlamat bertukar menjadi perantaraan dan perantaraan bertukar menjadi matlamat. Hal ini pernah berlaku dalam pengalaman dan sejarah umat Islam yang lalu.

79. Memberi Perhatian Terhadap Kelompok Berpotensi

Kita perlu memberikan tumpuan terhadap kelompok pelajar atau mahasiswa yang berpotensi dan berbakat kerana mereka merupakan generasi yang akan merintis pembaharuan, pembangunan dan pemikiran dalam menampilkan alternatif-alternatif bermanfaat dan inisiatif berguna pada masa hadapan.

80. Etika Berdialog

Kita sentiasa mengajak semua pihak mengambil kira etika dan seni berdialog kerana dialog merupakan wasilah terbesar dakwah yang paling berjaya. Pendialog yang berjaya umpsama peguam yang berjaya mempertahankan kesnya. Demikian juga sebaliknya.

81. Ada Ketikanya, Alternatif Kedua Lebih Utama

Ada pelbagai alternatif dalam pendekatan fiqh dan dakwah terhadap masyarakat. Ia berbeza dan berlainan kerana wujudnya kepelbagaiannya situasi, keadaan, kefahaman dan latar belakang pengetahuan orang kebanyakan. Justeru, bukanlah idea yang berhikmah andai seseorang pendakwah mewajibkan pandangan atau pilihannya ke atas orang lain hanya kerana ia merasakan pandangannya lebih sahih atau lebih afdal. Hal ini kerana bersatu di atas perkara yang kebenarannya bersifat subjektif, lebih baik daripada kita saling berpecah di atas isu kebenaran siapakah yang paling *solid* atau sempurna. Demikian juga bekerjasama dalam merealisasikan pandangan kedua (maf'dhul) lebih baik dari berkelahi dalam melaksanakan pandangan terbaik (afdal).

82. Bersuka Ria yang Dbolehkan

Bersuka ria dan bergembira – pada kadar yang diharuskan – merupakan salah satu faktor yang mengukuhkan hubungan seorang pendakwah dengan kelompok-kelompok sosial manusia⁹. Hal ini kerana manusia mempunyai perasaan sentimental terhadap kelompok sosial mereka. Mereka mengasihi dan mempertahankannya. Malah, ia juga mempengaruhi cara fikir mereka. Oleh sebab itu, kita mengajak pendakwah agar memberi perhatian kepada aspek ini serta menggalakkan pendakwah terlibat dengan aktiviti santai mereka dalam munasabah tertentu seperti perayaan, musim awal persekolahan atau musim cuti sekolah. Bagi merancakkan lagi aktiviti, boleh dianjurkan aktiviti berupa keraian, persembahan nasyid, pertandingan, sukan atau sukaneka serta disediakan hadiah, anugerah dan seumpamanya.

⁹ Seperti ahli keluarga, kawan sekolah, rakan sekampung, sahabat *seqaryah* dan seumpamanya – penterjemah.

83. Elakkan Pertengkaran

Allah S.W.T mengingatkan kita dalam mafhum ayat-ayat berikut:

أَدْعُ إِلَى سَيِّلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ
وَجَادِلْهُم بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ ...

“Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang paling baik...”

(An-Nahl: 125)

* وَلَا تُجَادِلُوا أَهْلَ الْكِتَابِ إِلَّا بِالَّتِي هِيَ أَحَسَنُ إِلَّا
الَّذِينَ ظَلَمُوا مِنْهُمْ ...

“Dan janganlah kamu berbahas dengan Ahli Kitab melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang yang berlaku zalim dalam kalangan mereka...”

(Al-Ankabut: 46)

Kita juga mengingatkan pendakwah agar menutup pintu-pintu persoalan yang bersifat teori semata-mata, perbahasan berasaskan andaian, pandangan-pandangan yang pelik (shaz), pendapat ijtihad yang terpinggir, jangkaan yang tidak berasas dan perdebatan yang mandul (tidak memberikan impak). Semua jenis perbahasan ini hanya membuang waktu, tenaga dan harta. Malah, ia memalingkan kita daripada tanggungjawab yang sepatutnya. Dalam banyak keadaan,

perdebatan berkenaan lebih banyak menimbulkan kebencian, pemuuhan dan dendam. Namun, andainya ia tidak dapat dielakkan, pendakwah perlu menghadapinya dengan cara perdebatan yang paling baik dan berpegang dengan pendekatan-pendekatan yang ditetapkan dalam al-Quran.

84. Kepentingan Bahasa Arab

Bahasa umpama bekas kepada ilmu dan pengetahuan. Malah, ia menjadi wasilah utama terhadap kewujudan pengetahuan Islam. Atas dasar itu, kefahaman berasaskan bahasa Arab secara umumnya adalah kefahaman paling tepat dalam memahami nas-nas syariah berbanding kefahaman Islam tanpa bahasa Arab. Bahasa Arab boleh berkolobrasi dengan bahasa-bahasa lain dalam pelbagai bidang kehidupan, namun ia bersendirian dari sudut ia menjadi bahasa pilihan Allah untuk menerangkan isi kitab-Nya yang mulia. Tentunya Allah lebih mengetahui tentang modus operandi risalah agama-Nya dari sudut zaman, lokasi, sasaran (manusia) dan bahasa. Bahasa Arab juga menjadi bahasa rasmi institusi hadith dan kebanyakan ilmu warisan Islam. Dapatkan daripada kajian induktif sejarah Islam menunjukkan penyebaran agama Islam yang diiringi dengan bahasa Arab akan membantu umat berkenaan memahami agama dengan lebih baik dan ajarannya lebih kekal, walaupun disaat kejatuhan kerajaan Islam atau pengaruhnya menjadi lemah. Justeru, pendakwah perlu berusaha mengembangkan bahasa Arab pada kadar yang termampu di negara-negara Islam bukan Arab khususnya, dan di seluruh dunia umumnya.

85. Wasilah Mesti Seiring dengan Matlamat

Matlamat utama dan terakhir di sebalik usaha-usaha dakwah Islam ialah menegakkan agama Allah S.W.T serta menyebarkan petunjuknya kepada manusia. Matlamat dan misi agung ini turut

memerlukan wasilah yang mulia dan baik semata-mata. Oleh yang demikian, kita perlu sentiasa berhati-hati dengan slogan politik yang masyhur, yang dikaitkan dengan seorang ahli politik Itali, Niccolo Machiavelli yang mengatakan: "Matlamat menghalalkan apa jua cara." Ertinya, matlamat yang mulia membolehkan kita menggunakan wasilah yang keji. Pendekatan ini ditolak oleh Islam secara total. Pun begitu, slogan ini tetap tersebar dalam masyarakat Islam dan diamalkan oleh sebahagian penganutnya. Hakikatnya, ia adalah cara keji yang sejati. Ia bertambah keji apabila ia diterima oleh segelintir pihak yang dikaitkan dengan kerja-kerja dakwah. Akibatnya, ia menyebabkan bencana atau membiakkan rangkaian-rangkaian bencana dalam dunia dakwah. Justeru, sebarang usaha dakwah perlu menolak syiar ini secara menyeluruh dan melepaskan diri sepenuhnya dari pihak-pihak yang terlibat mengamalkannya. Di samping itu, langkah berhati-hati perlu diambil bagi mengelakkan kelompok ini menyelinap masuk ke dalam aktiviti dakwah.



Tema Kelapan

Kaedah-kaedah Berwaspada

86. Dakwah ialah Tanggungjawab, Bukan Kerjaya

Usaha-usaha dakwah, jika ia bertukar dari satu tanggungjawab kepada kerjaya - dan inilah yang sering berlaku – akan mewujudkan lebih banyak unsur luaran (bersifat teknikal) berbanding intipati dan hakikat dakwah, suka melengah berbanding bergerak aktif, lebih mementingkan diri berbanding orang lain, munculnya pihak yang mendakwa sebagai pendakwah berbanding pendakwah yang sebenar dan lahirnya kelompok yang munafik (berpura-pura) lebih ramai berbanding kelompok yang jujur dan benar.

Semua musibah malang ini berlaku pada tahap yang berbeza-beza ketika aktiviti dakwah bertukar menjadi kerjaya. Ia sebenarnya menjauhkan umat Islam daripada hakikat dakwah yang sebenar dan sekali gus memudahkan musuh Islam memiliki satu senjata yang kuat untuk menentang kerja dakwah ini.

87. Hanya Satu Rujukan di Peringkat Pimpinan

Dalam dakwah, perlu dielakkan wujudnya dua rujukan di peringkat pimpinan, di mana rujukan pertama menjalankan peranan secara zahir dan rujukan kedua mengawal rujukan pertama tadi secara rahsia di belakang tabir. Hakikatnya, pihak pertama menjadi boneka dan pihak kedua yang mengawal dan membuat keputusan. Ia juga berlaku jika pihak kedua membuat ketetapan lalu memaklumkannya kepada pihak pertama (untuk dihebahkan), atau pihak kedua memberi kuasa penuh kepada pihak pertama untuk membuat keputusan.

Cara ini mempunyai unsur kepalsuan dan penipuan, serta percanggahan yang jelas terhadap prinsip-prinsip dakwah, terutama sekali prinsip syura. Ia boleh membuka ruang penggunaan label syariah ke atas ketetapan-ketetapan yang tidak syarie. Inilah pendekatan diktator. Pihak yang berada di sebalik tabir akan bersikap

sombong dan merendahkan pihak yang zahir. Pihak yang zahir pula menaruh perasaan dendam dan menanti peluang untuk menyerang balas kepada pihak yang mengawal mereka. Dualisme sumber rujukan ini menyebabkan institusi dakwah menjadi longlai dan lesu di hadapan aktivisnya. Semua unsur ini hanya akan mewujudkan konfrontasi dan kemarahan serta menyebabkan kelemahan dan kegagalan. Pengalaman lalu membuktikan, kewujudan dua rujukan di peringkat pimpinan dalam institusi dakwah merupakan satu pengalaman yang pahit untuk ditelan.

88. Tipu Daya di Sebalik Slogan Perubahan

Tanpa melihat kepada proses dan akibat sesuatu perubahan, apakah ia tepat atau salah, perubahan atau “reform” ialah slogan yang diminati oleh aktivis dakwah dan orang kebanyakan. Namun, perlu diketahui bahawa di sana terdapat perubahan yang tidak mendatangkan kebaikan, malah alternatif yang dihadapi oleh orang ramai dan aktivis dakwah adalah lebih buruk daripada yang sebelumnya.

Ada serangkap syair Arab mengatakan:

رَبَّ يَوْمَ بَكَيْتُ مِنْهُ فَلَمَّا - صَرَّتْ فِي غَيْرِهِ بَكَيْتُ عَلَيْهِ

Aku telah menangisi keburukan pada zaman lalu. Namun ketika berada pada zaman ini, aku menangis lagi disebabkan keburukan yang baru.

Seorang sahabat Nabi yang bijaksana, ‘Amr bin al-‘As pernah mengungkapkan hal yang sama iaitu:

“Mengekalkan pemimpin yang zalim adalah lebih dari tercetusnya fitnah (huru-hara) yang berlarutan.”

Kenyataan ini bukan bermaksud beliau mengiktiraf kezaliman pemimpin. Namun, beliau mengingatkan risiko di sebalik alternatif yang baru. Justeru, hal ini perlu dinilai dengan cermat dan waspada oleh golongan pendakwah.

89. Waspada Ketika Memberikan Reaksi

Kita perlu mengelak daripada mempunyai reaksi seperti yang ditunjukkan oleh segelintir pendakwah ketika melihat penyelewengan kefahaman dan tingkah laku buruk masyarakat. Mereka telah memberi reaksi melampau daripada yang sepatutnya sehingga menyempitkan suatu perkara yang luas dan diharuskan oleh syarak.

90. Jauhi “Kemewahan” Intelektual

Bermewah-mewah¹⁰ merupakan sejenis pemilikan harta yang merosakkan. Ia boleh menerbitkan beberapa bentuk kerosakan lain dalam kehidupan. Atas dasar ini, Islam memerangi kemewahan dan menjadikan kemewahan umat terdahulu sebagai pengajaran kerana ia menyebabkan kebinasaan. Justeru, para pendakwah perlu menjauhi dan menolak sikap tersebut.

Namun, di sana terdapat beberapa bentuk kemewahan yang mungkin lebih berbahaya iaitu kemewahan (kemelampauan) intelektual yang menimpa sebahagian pendakwah atau mereka yang menyangka diri mereka sebagai pendakwah. Fenomena kemewahan intelektual ini berlaku kepada mereka yang mengkaji aspek pro dan kontra pada aliran-aliran pemikiran atau kepercayaan yang sudah pupus dan tidak lagi menimbulkan masalah kepada umat hari ini. Gejala ini dapat kita lihat pada sebahagian pengkaji yang menulis

¹⁰ Ia boleh diertikan sebagai melampias keperluan lebih dari kadar yang sepatutnya – penterjemah.

suatu topik atau sebuah buku, di mana pembaca tidak pasti apakah mesej yang pengkaji mahu sampaikan. Kita juga dapat ia berlaku pada segelintir penyelidik yang menghimpunkan maklumat dan informasi – yang langsung tidak memajukan pemikirannya. Malah, adakalanya maklumat tersebut tidak berasas. Motifnya barangkali ingin menunjukkan kehebatan dan keluasan pengetahuannya kepada pembaca agar mereka terpengaruh dengan ideanya. Ada juga pengkaji yang menghasilkan penulisan yang berbelit-belit dan sukar difahami. Puncanya mungkin disebabkan oleh kefahamannya yang tidak jelas. Atau ia tidak berani menulisnya dengan *uslub* yang mudah disebabkan faktor-faktor lain.

Contoh-contoh tersebut dipanggil sebagai kemelampauan intelektual. Ia mungkin lebih berbahaya dari kemewahan material atau mungkin juga setaraf. Pendakwah yang benar dan ikhlas perlu menjauhi gejala ini kerana ia hanya membuang masa, tenaga dan harta serta mensia-sikan peluang mencari pahala dan menjauhkan diri daripada tanggungjawab yang sebenar. Ia mungkin juga muslihat pihak tertentu untuk menghilangkan fokus atau mengehadkan aktiviti dakwah. Kesan-kesan buruk yang telah dihuraikan tadi tidak mampu dihindari walaupun pelakunya berniat baik.

91. Sikap Taasub dan Memihak

Mempunyai kecenderungan kepada sesuatu pendekatan adalah perkara biasa bagi golongan pendakwah. Hal ini berlaku apabila seseorang itu mendapat ada keistimewaan tertentu pada sesuatu pendekatan, lalu ia berpandangan pendekatan yang dipilih lebih bagus dari cara yang lain. Namun, ia tidak boleh mendakwa pilihannya itu sebagai “maksum” dan sempurna, lalu menzalimi pendekatan lain. Sikap memihak sebegini diharuskan, terpuji dan wajib diamalkan. Jika pendakwah menyalahi etika tersebut, ia akan terjebak dengan ketaasuhan yang dicela dan diharamkan serta disifatkan oleh Islam sebagai amalan jahiliah.

Perincian ini memahamkan kita bahawa ukuran kehebatan hanyalah pada ketakwaan dan amal kebaikan. Natijahnya, kita akan menjauhi semua jenis *assabiah* jahiliah, sama ada dalam bentuk ketaasuhan berasaskan negara, kepartian, kerabat kekeluargaan dan kepuakan kumpulan.

92. Boleh Bersikap Bongkak, Namun...

Memandang hina kepada kebatilan adalah sikap yang baik. Ia bukti hati dan akal mempunyai ciri tawakal kepada Allah serta berkeyakinan utuh terhadap kebenaran agama yang dibawa kepada manusia.

Namun, ada ketikanya seorang mukmin boleh terjerumus ke dalam kesilapan yang besar, iaitu apabila sikap memandang hina ke atas kebatilan bertukar kepada memandang rendah terhadap pelakunya (*mad'u*). Sikap sedemikian adalah berpunca daripada tipu daya nafsu yang menggambarkan kepada diri kononnya ia lebih baik daripada orang lain, hingga ia merasakan ia perlu menjauhkan diri daripada orang kebanyakannya agar keelokan diri, ketinggian ilmu dan kedudukannya yang mulia tidak dicemari oleh kerosakan, kejahilan dan kerendahan kedudukan mereka. Sesiapa yang memiliki ciri-ciri ini, dia bukan lagi tergolong dalam kelompok pendakwah, sebaliknya dia sudah menjadi liabiliti kepada institusi dakwah.

Para pendakwah sepatutnya hanya menghina kebatilan, bukan pihak yang didakwah. Mereka sewajarnya bersyukur kepada Allah S.W.T kerana mereka terpilih untuk berkhidmat kepada manusia. Justeru pendakwah perlu mengasihi orang ramai, bersabar atas kelemahan mereka serta memberi rangsangan atas nilai-nilai baik dalam diri mereka. Dengan ini, pendakwah telah meletakkan sikap “memandang hina” di tempat yang betul serta terselamat dari tipu daya nafsu. Sikap meninggi diri hanya melibatkan penegakan kebenaran dan prinsip, bukan kerana bangga dengan pencapaian diri atau kumpulan.

93. Adat Budaya Bukan Ajaran Agama

Ada ketikanya, sesebuah adat dan budaya masyarakat, menjadi masalah yang besar apabila ia disangka sebagai ajaran agama, sedangkan hakikatnya ia bukan ajaran agama. Perkara ini dapat diperhatikan dalam beberapa aktiviti sosial seperti kenduri perkahwinan, situasi kesedihan (seperti kematian) dan perkara-perkara yang melibatkan aktiviti sosial secara umum, terutama berkait dengan wanita. Justeru, pendakwah perlu membezakan di antara adat budaya dan ajaran agama. Penerimaan atau penolakan terhadap sesuatu adat adalah berdasarkan apa yang ditentukan oleh ajaran agama.

94. Fenomena Sikap Mengasingkan Diri, Menyalahkan Pihak Lain dan Tidak Peduli

Terdapat sebahagian aktivis dakwah yang gemar “kembali” ke zaman kegemilangan umat Islam dengan kerap bercerita tentangnya dan mengulang-ulang kisah silam tanpa melakukan usaha perubahan yang termampu. Ia menyangka perbuatan tersebut sudah dikira memenuhi tanggungjawab dakwahnya. Ia mengasingkan diri tanpa memberikan sumbangan yang dapat membentuk kualiti umat sekarang dan pembinaan sosial pada masa hadapan.

Ada dalam kalangan mereka yang suka mengulas tentang kebejatan manusia sekarang. Ia kerap menyatakan kekesalan dan kekecewaan, serta meletakkan kesalahan – tanpa mengira sama ada tepat atau salah – kepada pihak tertentu, tanpa melakukan sebarang usaha yang termampu. Dengan cara tersebut ia menyangka telah selesai menjalankan tugas dakwahnya. Hakikatnya, ia hanya menzahirkan kekecewaan diri tanpa menjalankan peranan dan tugas yang sebenar, serta tidak menyedari tanggungjawabnya sebagai khalifah Allah di bumi.

Terdapat kelompok ketiga yang hanya menanti masa hadapan. Ia menunggu-nunggu kemunculan pemimpin yang bakal membawa perubahan seperti Imam al-Mahdi, ketua yang berinspirasi atau adiwira penyelamat. Ia menyangka dengan kemunculan pemimpin atau penyelamat ini, semua permasalahan akan selesai dan seluruh harapan akan terlaksana tanpa mengambil kira ketetapan alam¹¹, kaedah ikhtiar dan usaha-usaha yang realistik. Justeru, ia telah melemahkan potensi ketamadunannya serta kehilangan nilai tertinggi diri iaitu nilai pembinaan sosial.

Ketiga-tiga kelompok ini hakikatnya ialah golongan yang mlarikan diri daripada tanggungjawab. Mereka mencipta keuzuran yang tidak munasabah serta memberikan keterangan mengelirukan di sebalik tanggungjawab menyampaikan dakwah dalam kehidupan.

Seorang Muslim perlu memahami hakikat dan realiti dakwah pada zamannya, serta mengenal pasti kemampuan diri. Ia perlu melaksanakan dakwah dengan ikhlas dan cermat, sama ada dalam skala kecil atau besar. Sedikit-sedikit lama jadi bukit. Setitis air jika dihimpun boleh membentuk sebatang sungai. Apabila Allah melihat hamba-Nya ikhlas dan cermat dalam beramal, Dia akan menerimanya serta mengembangkan impaknya walaupun amalan tersebut kecil, dan yang akan menikmati hasil terbaik dan berkualiti ialah umat teramai.

95. Sembang-sembang Kosong yang Membinasakan

Antara bentuk tipu daya nafsu ialah para pendakwah bertemu sesama mereka dalam aktiviti santai berbentuk perbualan ringan dan tidak formal. Mereka akan berbual tentang isu-isu di Timur dan Barat, mengkritik beberapa individu atau melepaskan kemarahan kepada pihak dan kumpulan tertentu. Mereka juga saling bertukar

¹¹ Iaitu sistem ikhtiar berdasarkan sebab dan natijah – penterjemah.

pelbagai angan-angan, dan adakalanya ia berlaku secara berlebihan. Mereka kemudiannya bersurai tanpa aktiviti yang jelas.

Mereka menyangka mereka telah melangsaikan tanggungjawab mereka di sisi Tuhan dan membantu agama-Nya. Namun, hakikatnya mereka tidak membantu agama-Nya sedikit pun, sebaliknya mereka menipu diri sendiri dengan hingar-bingar sembang kosong pada waktu senggang dan hanya memuaskan keinginan “membawang”.

Ia hanyalah tindakan untuk melegakan emosi¹² yang berpunca daripada semangat ingin membantu agama. Mereka menipu diri sendiri dan mengelirukan orang lain dengan aktiviti tersebut. Mereka bertukar-tukar gosip demi mencapai kepuasan yang ilusi. Walhal mereka melarikan diri daripada tanggungjawab hakiki. Mereka mempergunakan istilah agama untuk menutup kelemahan dan kekurangan diri serta gosip kosong mereka, sedangkan mereka sebenarnya tidak patut berbuat demikian.

96. Kelompongan yang Besar

Kebanyakan umat Islam telah melakukan pengabaian yang besar terhadap urusan agama dan dunia mereka, terutama dalam urusan dakwah. Sikap ini bercanggah dengan potensi yang telah dianugerahkan oleh Allah yang melayakkan mereka menjadi pemimpin umat dan pembina ketamadunan. Mereka berpotensi kerana memiliki akidah yang benar, sumber kekayaan yang luas, kedudukan lokasi yang strategik dan pertumbuhan bilangan penganut yang semakin meningkat. Para ilmuwan perlu menyelidik kembali dengan mendalam terhadap punca permasalahan ini agar umat Islam dapat keluar daripada situasi “tidak berperanan” kepada keaktifan, daripada “berpeluk tubuh” kepada mencipta pencapaian. Faktor-faktor penting untuk merealisasikan harapan ini ialah

¹² Di dalam istilah psikologi, ia mirip dengan konsep katarsis atau abreaksi – penterjemah.

keazaman yang serius, pemikiran inovatif, penilaian prestasi berkala, persaingan yang sihat, ketelitian, mewujudkan peluang sama rata, membangunkan institusi, meningkatkan motivasi, berakauntabiliti dan cintakan usaha berdaya.

97. Bahaya Unsur Mistik

Kita perlu berwaspada dengan fahaman takwilan melampau, kebatinan dan unsur mistik yang dikaitkan dengan pemikiran dan kerja-kerja dakwah. Hal ini kerana Islam adalah agama yang jelas dan sempurna. Setiap prinsip dan idealismenya terang-benderang serta tiada unsur-unsur mistik dan tokok-tambah.

Kejelasan anutan adalah ciri kekuatan sesuatu kepercayaan. Dengan kekuatannya, manusia akan mengisyiharkan apa yang ia banggakan. Malah, orang lain secara fitrahnya mudah menerima pemikiran dan ideologi yang terang dan jelas, benar dan difahami. Mereka akan menjauhkan diri daripada pemikiran yang samar, mistik, tidak konsisten dan menyimpang.

Kemudarat daripada fahaman mistik akan banyak menimpa penganutnya berbanding ke atas pihak musuh. Kewujudannya secara tersembunyi akan memburukkan lagi keadaan kerana pergerakannya sukar dikesan. Berbeza dengan penyimpangan yang berlaku secara terang-terangan, ia masih boleh dikenal pasti dan diperbetulkan kerana ia kelihatan dan mampu dikesan.

98. Keburukan Dakwah Pukul Rata

Sikap pukul rata kerap berlaku dalam tingkah laku dan cakap-cakap sebahagian pendakwah. Sebagai contoh, terdapat dakwaan yang mengatakan:

“Tentera-tentera bukan Islam tidak akan bersepakat melainkan hanya untuk memerangi agama Islam semata!”

“Musuh-musuh Islam terlalu hebat dan mampu melakukan semua perkara!”

“Setiap usaha-usaha Islam dari badan rasmi¹³ adalah penipuan, konspirasi, usaha pembendungan dan ada udang di sebalik batu!”

“Hanya usaha-usaha Islam di peringkat rakyat sahaja yang tulen dan benar.”

“Dakwah Islam hanya berjaya jika ia diusahakan oleh kumpulan tertentu!”

“Islam akan gagal di tangan kumpulan tersebut!”

“Kumpulan tersebut sarat dengan niat buruk dan konspirasi.”

“Itu kumpulan paling ikhlas dalam memperjuangkan agama Islam!”

Pemikiran seperti ini tidak berasaskan keadilan, tidak objektif, tidak matang dan dangkal. Pelakunya sering memetik dalil-dalil agama secara simplistik tanpa membuat penelitian mendalam serta tidak mencari alternatif, penyelesaian atau inisiatif yang baru. Mereka menyangka mereka dimaafkan jika mereka mengalah atau *give up*, atau bersikap negatif terhadap sesuatu isu yang rumit, kerana mereka menggambarkan diri mereka sedang berhadapan dengan satu kejahatan besar yang tidak mampu dikalahkan. Sikap ini menyanggahi sunnatullah dalam kehidupan yang dipanggil sebagai kaedah tindak balas (*at-tadafu`*).

Orang Islam sewajarnya menjauhkan diri daripada sikap pukul rata yang merosakkan ini. Mereka perlu memaksimumkan penggunaan akal dan hati, memiliki keupayaan menganalisa isu-

¹³ Seperti media, jabatan agama Islam kerajaan, NGO-NGO tertentu dan sebagainya – penterjemah.

isu semasa, meletakkan sesuatu dalam neracanya yang sesuai, menguasai kefahaman terhadap prinsip sebab dan akibat atau serta punca dan natijah, berupaya mencipta penyelesaian dan solusi, tidak terjebak dalam sangkaan berasaskan ilusi serta tidak membuat keputusan yang menghimpunkan dua perkara bercanggah yang mustahil kedua-duanya wujud bersama seperti hitam dan putih, malaikat dan syaitan, boleh dilaksana dan mustahil dilaksana, tidak penting dan paling penting dan sebagainya.

99. Teori Konspirasi

Mutakhir ini, sering kali diperkatakan tentang teori konspirasi dan perancangan jahat. Ada pihak yang melakukan dakwaan secara rambang, ada yang menolaknya secara total dan ada juga yang bersikap teliti dan berhati-hati dalam memperkatakan tentangnya.

Sebenarnya, konspirasi dan perancangan jahat sudah lama wujud semenjak wujudnya manusia. Ia akan kekal begitu sampai bila-bila. Namun, di sudut agama dan rasional, kita tidak wajar mengaitkan semua perkara dengan teori konspirasi. Kita perlu menyedari bahawa sebuah konspirasi itu ada kalanya berjaya, adakalanya tidak. Malah ada juga perancangan buruk yang makan diri kepada perancangnya. Justeru, kita perlu menghadapinya dengan sederhana, tanpa terlalu meremehkan dan terlalu teruja. Ia perlu dinilai dengan neraca yang tepat. Perhatian yang lebih mesti diberikan kepada cara menghadapi konflik dan perdamaian berbanding menyibukkan diri dengan perincian teori berkenaan. Apa yang penting, kesilapan dan kelemahan semasa umat Islam tidak mewajarkan kita membiarkan teori konspirasi menentukan nasib dan masa hadapan kita.


Perkara yang paling menakutkan ialah apabila kita menjadi mangsa konspirasi disebabkan kelalaian sendiri atau salah cara dalam menghadapinya atau mengabaikan terus aspek ikhtiar dan

usaha seperti yang disarankan oleh Allah S.W.T.

100. Percanggahan yang Bermanfaat

Antara sangkaan tidak berasas yang tular dalam kalangan sebahagian pendakwah ialah tanggapan bahawa kelompok-kelompok yang memusuhi Islam sentiasa bersatu padu mahu menghapuskan Islam. Hal yang sebenarnya ialah kelompok ini pernah bersepakat untuk memerangi Islam dan pernah juga saling berpecah sesama mereka. Malah, ada ketikanya, mereka menunjukkan pendirian-pendirian yang menguntungkan Islam dan umatnya, walaupun tidak diketahui secara pasti motif di sebalik pendirian tersebut.

Justeru, umat Islam perlu mengenal pasti tabiat kelompok-kelompok yang memusuhi Islam. Mereka mesti meneliti unsur-unsur percanggahan pada pihak terbabit lalu manafatkan percanggahan tersebut pada perkara yang mendatangkan kebaikan kepada negara dan umat Islam. Sikap pukul rata secara melampau adalah sikap yang bertentangan dengan sunnatullah, bertentangan dengan fakta sejarah silam dan moden serta bukti kemalasan minda, di mana seseorang itu enggan menggunakan akalnya untuk meneliti percanggahan yang wujud serta mencari penyelesaian melaluinya. Ia hanyalah helah psikologi yang menggambarkan diri mereka kononnya dibenarkan untuk berpeluk tubuh dan bersikap pengecut dengan alasan mereka tidak mampu melakukan apa-apa usaha ketika berhadapan dengan pihak yang lebih kuat daripada mereka.



Penutup

Aliran Komunisme telah jatuh pada akhir kurun ke-20. Sementara aliran Kapitalisme Barat sedang menghadapi hari-hari yang sukar apabila falsafah-falsafah utamanya bergegar serta mula dipersoalkan dan diragui. Apa yang ketara ialah kekuatan dan keunggulan Barat mulai merosot dan laporan tentangnya kedengaran setiap hari. Demikianlah kitaran sunnatullah dalam kehidupan, ia tidak pernah berhenti atau mengelak daripada sesiapa.

Justeru, tidak ada lagi pihak yang berupaya untuk menyelamatkan umat manusia melainkan anda semua wahai para pendakwah. Anda perlu kekal dengan kualiti yang diperlukan oleh agama dan realiti semasa agar kalian layak menjadi “nakhoda bahtera”. Andalah yang perlu menyebarkan kebaikan kepada diri sendiri dan seluruh umat manusia, sama ada Muslim atau non-Muslim.

Tanggungjawab anda adalah besar dan merentasi zaman dan lokasi serta merangkumi semua jenis manusia. Dakwah anda pula mestilah bercirikan kasih sayang (rahmah), berpaksikan syariat yang mudah, mengelak kesukaran dan bercirikan kelembutan kepada semua bangsa insan yang bertebaran di bumi. Setiap pendakwah perlu mempunyai kesedaran yang baik terhadap peranan masing-masing.

Ingatlah bahawa anda semua adalah pendakwah, bukan hakim yang menjatuhkan hukuman. Anda adalah pembuat pulih bukan pencetus huru-hara, pembina bukan peruntuh dan penyayang bukan pembenci. Anda perlu menghadapi sasaran dakwah seakan bapa melayan karenah anak-anaknya atau doktor yang merawat pesakitnya, bukan seperti warden penjara yang bersikap kasar atau seperti golongan pendendam.

Dengan cara demikian, anda akan menjadi pendakwah yang bijak dalam memberi tunjuk ajar dan pembimbing yang mendapat petunjuk Tuhan. Anda juga akan menjadi insan yang paling

bermanfaat untuk orang lain. Seluruh makhluk berada di bawah tanggungan Allah. Dan makhluk yang paling Allah S.W.T sayangi ialah mereka yang paling bermanfaat kepada makhluk ciptaan-Nya. Sikap begini boleh menyebabkan manusia dengan rela hati mengangkat anda sebagai pemimpin yang membimbing mereka kepada kebaikan, cahaya dan kesejahteraan.

Seluruh piagam ini menghimpunkan cadangan-cadangan tentang kaedah dakwah. Ia terhasil dari pengalaman yang panjang, pembacaan berterusan, penelitian, cabaran berliku dan eksperimen. Ia ditujukan kepada umat Islam secara umum dan kepada pihak pimpinan secara khusus agar ia menjadi piagam dakwah yang istimewa serta kaedah untuk difikir dan dilaksanakan. Ia bertujuan untuk meluaskan ruang-ruang perdamaian, kebenaran, meningkatkan keberkesanan dakwah serta mengurangkan pertelingkahan, kesilapan dan tindakan sia-sia.

Apa yang diharapkan ialah tulisan ini dapat dinilai oleh mereka yang bekerja untuk memartabatkan agama Islam. Pun begitu, segala maklum balas berupa cadangan, penambahan, pengurangan, pembetulan, penggabungan idea dan penambahbaikan sentiasa dialu-alukan.

Apabila penulis berjanji kepada rakan-rakan pendakwah bahawa segala cadangan dan respon mereka akan diteliti, dinilai dan dihargai, penulis turut memohon kepada mereka agar memandang tulisan ini sebagai mesej “dari pendakwah kepada pendakwah”. Anda berhak menulis dan mencoret apa sahaja cadangan dan buah fikiran, dan penulis dahulukan dengan ucapan penghargaan dan terima kasih.

Memberi pandangan serta membincangkannya secara terbuka adalah kaedah terbaik untuk mengenal pasti ketepatan dan kesilapan sesuatu pendekatan. Cara ini akan menimbulkan keterujaan dan

semangat dalam kalangan aktivis dakwah kerana pandangan mereka boleh dimanfaatkan untuk tujuan penambahbaikan. Langkah ini dapat meningkatkan kualiti sesuatu kaedah dan ia boleh diaplikasikan oleh pertubuhan atau persatuan Islam. Semua ini adalah sumbangan kita untuk mereka. Mereka boleh menceduk segala idea, mengadaptasi atau mengembangkannya lagi sesuai dengan realiti yang melingkungi mereka. Ini tentunya akan mendatangkan manfaat kepada semua pihak, insya-Allah.

Dari Allah S.W.T juga segala bantuan dan taufik menjelma. Kita memohon kepada Allah S.W.T agar Ia melimpahkan keredhaan-Nya serta melibatkan kita dalam segala ketaatan-Nya. Sesungguhnya, Dia Tuhan yang Maha Berkuaasa atas setiap perkara.



Seruan kepada semua orang Islam khususnya para pendakwah untuk menghayati dasar, kaedah dan prinsip yang membentuk kod etika dakwah yang mengukuhkan ruang persamaan sambil mengurangkan perselisihan dalam kalangan umat dan organisasi yang berbeza. Gerak kerja dakwah perlu diasaskan di atas prinsip kesatuan pemikiran dan iktikad dalam dunia kepelbagaian – berdasarkan dasar-dasar Islam yang tetap. Buku ini melakarkan pandangan alam yang menyeluruh bagi kehidupan dalam rangka persamaan manusia dan budaya. Para pendakwah seharusnya kreatif untuk mencari titik persamaan di dalam kehidupan bermasyarakat berpandukan kepada petanda yang khusus. Hasil daripada pengalaman, perasaan serta perancangan strategi penulis setelah berada di lapangan selama lebih 50 tahun, buku ini menganalisis isu dakwah dari dimensi masa dan tempat dari sudut pandang ketamadunan untuk melaksanakan tanggungjawab kepimpinan dan menjayakan tugas memakmurkan muka bumi.

Dr. Hisham Yahya Altalib adalah kelahiran Mosul, Iraq pada tahun 1940. Beliau mendapat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Kejuruteraan Elektrik di University Liverpool pada tahun 1962 dan PhD dalam bidang sama dari University Purdue, Amerika Syarikat pada tahun 1974. Beliau aktif dalam gerakan Islam dari tahun 60-an sehingga hari ini dan menjawat pelbagai jawatan dalam organisasi Islam seperti Muslim Students Society (MSA) di Amerika Syarikat dan Kanada serta berperanan sebagai Setiausaha Agung International Islamic Federation of Students Organizations (IIFS-O) pada tahun 1976. Beliau juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pengasas International Institute of Islamic Thought (IIIT) pada tahun 1981. Beliau telah menghasilkan beberapa karya seperti A Training Guide for Islamic Workers yang telah diterjemahkan ke dalam lebih 20 bahasa dan Parent-Child Relations: A Guide to Raising Children. Kini, beliau bertugas di IIIT, Herndon, USA.

ISBN 978-967-2190-27-1

A standard linear barcode representing the ISBN number 978-967-2190-27-1.

9

789672

190271